


Jilid III
Bil. 29



MALAYSIA

Hari Selasa
17hb Januari, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2601]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 4) [Ruangan 2623]
- Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2659]
- Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2670]
- Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pindaan) [Ruangan 2673]

USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2659]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.P.N., P.J.K. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Selasa, 17hb Januari, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

PENCEN PESARA POLIS

1. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah beliau mengkaji semula pencen yang dibayar kepada pesara-pesara Polis selaras dengan Tanggagaji Baru yang dibayar kepada anggota-anggota polis pada masa ini yang boleh dianggap memuaskan oleh kerana pencen yang diterima oleh pesara-pesara adalah terlalu kecil dan kebanyakan dari mereka mempunyai keluarga yang ramai, sudah tentu beban mereka bertambah lebih berat lagi. Jika ya, bilakah kajian semula dapat dijalankan dan samada pembayarannya dapat dilaksanakan dengan secepat yang boleh.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun menimbangkan faedah tambahan kepada pesara Kerajaan termasuk pesara-pesara dari Perkhidmatan Pasukan Polis sebelum daripada 1hb Januari, 1976 (tarikh kuatkuasa perlaksanaan tanggagaji Bersih Baru Lapuran Jawatankuasa Kabinet) Kerajaan akan mengumumkan keputusannya tidak berapa lama lagi.

PENCEN KEPADA PESARA-PESARA

2. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai pesara-pesara masih menunggu bayaran pencen-pencen mereka. Jika sedar apakah tindakan beliau akan

ambil supaya pesara-pesara ini tidak menderita, memandangkan perkhidmatan dan jasa mereka kepada Kerajaan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar, bahkan memandang berat tentang adanya kelewatan pembayaran pencen kepada setengah-setengah pesara. Ketua-ketua Jabatan/Ajensi Kerajaan berkenaan telah dibawa berunding bagi melicinkan keseluruhan proses yang dimulai daripada peringkat penyediaan kertas pencen sehingga ke peringkat pembayaran. Tindakan telah diambil bagi mengurangkan sebarang gejala yang berbentuk "red tape". Kerajaan juga telah mengarahkan satu pasukan petugas untuk membuat kajian yang lebih mendalam mengenai sistem pengurusan pencen serta memperakukan langkah-langkah yang positif bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang menjadi sebab-sebab kelewatan. Tindakan tatatertib akan diambil ke atas mana-mana pegawai yang didapati gagal mematuhi arahan atau cuai menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini telah didengar beberapa kali di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, begini juga jawapannya iaitu pegawai-pegawai telah diberitahu dan sebagainya. Tetapi pada hari ini tidak dikehendaki begini lagi. Apa yang dikehendaki ialah boleh atau tidak di dalam tempoh tiga bulan selepas dia berhenti kerja atau bersara hendaklah dibayar, tetapkan masa selepas tiga bulan. Dia tidak pula menuntut dua bulan, satu bulan setengah atau dua hari tetapi tiga bulan atau empat bulan. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang betul telah ditimbulkan beberapa kali dahulu dan telahpun dikaji, sedang dikaji juga oleh rakan saya Yang Berhormat Tan Sri Chong Hon Nyan apabila beliau menjawab jawatan yang saya

pegang sekarang dan telah dikaji dengan sedalam-dalam yang boleh, didapati bukan sahaja Jabatan Pension yang terlibat walaupun Jabatan itulah dianggap bertanggungjawab, akan tetapi banyak Jabatan-jabatan yang lain pun terlibat juga.

Berkenaan boleh atau tidak saya menetapkan perkara ini dapat diselesaikan dalam tiga empat bulan itu, sukarlah dijelaskan sekarang. Saya hanya boleh memberi jaminan kepada Dewan ini saya sendiri akan mengambil langkah seberapa segera yang boleh supaya perkara yang telah meyinggungkan ini akan diselesaikan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi pihak negara berterima kasihlah Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan dalam perkara ini. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah di antara sebab-sebab punca kelemahan membayar balik wang kepada pesara-pesara samada wang pension atau sugu hatinya dengan sebab kurang kakitangan Kerajaan di Jabatan Pension ini. Yang kedua, dapatkah Kerajaan memikirkan satu ketika kelak bahawa satu sistem pembayaran pension itu dapat dibuat dengan baik dan licin hatta kita boleh dapat pakar daripada luar negeri dalam pentadbiran ini. Adakah boleh dibuat begitu?

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Pencen ialah satu perkara manusia berhubung dengan perkara pencen pegawai-pegawai atau kakitangan yang telah tamat bekerja dengan Kerajaan. Jika kita memandangkan kelemahan-kelemahan dengan Jabatan Pencen dengan Keretapi Tanah Melayu mereka dua ini lebih kurang serupa kelemahannya. Oleh sebab pegawai-pegawai dan kakitangan semasa mereka memegang jawatan begitu dedikasi dan taat setia kepada jawatan-jawatan masing-masing bolehkah Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri yang baharu buat satu perjanjian di Dewan Negara iaitu bagaimana yang beliau janjikan tadi ini perjanjian tambahan, tidak lama lagi kelemahan-kelemahan yang terus berjalan beberapa tahun di Jabatan Pencen itu mesti diatasi dalam tempoh Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan tambahan itu kurang jelas, akan tetapi kalau Yang Berhormat Senator itu menghendakkan saya ulangkan perjanjian itu bolehlah.

BANK SIMPANAN NASIONAL

3. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau dapat menimbang untuk meluluskan Sekim Pinjaman Perumahan kepada penyimpan-penyimpan yang mempunyai akaun simpanan dengan Bank Simpanan Nasional seperti mana Sekim Pinjaman Perumahan yang diberikan oleh kebanyakan Bank-bank tempatan dan sekiranya Sekim ini diluluskan, apakah syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang diperlukan untuk membolehkan pengambilan pinjaman.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada cadangan bagi Bank Simpanan Nasional menjalankan sekim pinjaman perumahan untuk penyimpan-penyimpannya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Jawapan buat masa ini belum. Adakah buat masa akan datang akan difikirkan oleh Kerajaan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sesuatu projek seperti ini akan ditimbang mengikut keadaan. Bila didapati perlu mungkin akan dibuat tetapi buat masa ini belum ada lagi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, namanya indah benar Bank Nasional, terpampang, kalau dekat Petaling Jaya bukan main besar nampak Bank Nasional. Kalau Bank Nasional Tuan Yang di-Pertua, macam bank-bank yang lain dapat meminjamkan itu dan ini. Jadi boleh atau tidak Kerajaan menukarkan constitution, memorandum atau apa juga berkenaan Bank Nasional ini supaya dapat menjadi macam bank yang lain. Boleh atau tidak di buat?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Bank Nasional ini adalah ditubuhkan semata-mata untuk menjadi satu Bank Simpanan iaitu untuk menyalurkan tabungan-tabungan kecil atau besar daripada rakyat jelata untuk dijadikan satu kumpulan wang di mana

mereka juga dapat faedah daripada simpanan tersebut dan juga dapat disalurkan tabungan-tabungan itu ke arah pembangunan iaitu dipinjamkan balik kepada Kerajaan. Jadi, itulah tujuan utama ditubuhkan Bank Simpanan Nasional dan Kerajaan tidak berhasrat untuk menukar coraknya menjadi bank perdagangan biasa kerana sudah ada banyak bank di negara kita ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Oleh kerana yang menyimpan kebanyakan, Tuan Yang di-Pertua, adalah daripada orang-orang yang miskin. Macam mana Yang Berhormat mengatakan, orang miskin tidak menyimpan untuk dipinjamkan kepada Kerajaan sahaja dan dapat 6%-7% dividend. Jadi sekarang oleh kerana dunia sudah berubah; masa sudah berubah daripada Post Office sudah menjadi Bank Nasional. Jadi rakyat juga berkehendakkan kesempatan-kesempatan supaya dapat meminjam duit membuat rumah kecil dan sebagainya. Jadi, bolehkah atau tidak diberi pinjaman memandangkan kemajuan negara ini.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidaklah perlu bagi Bank Simpanan Nasional ini berkembang untuk menukar corak menjadi bank semata-mata untuk memberi pinjaman kepada rakyat samada kecil atau besar kerana pada pendapat saya sekarang ini memadai dahulu sistem bank yang ada ini dapat menyalurkan kewangan untuk tujuan-tujuan pinjaman.

CUKAI ATAS BARANG-BARANG KEMAS/SOLEK

4. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan bahawa Belanjawan tahun 1978 tidak mengenakan sebarang cukai baru bagi tahun 1978 dan memberi faedah kepada rakyat di kawasan bandar terutamanya pengurangan cukai ke atas solek dan barang-barang kemas, apakah faedah positif yang sebenarnya dinikmati oleh rakyat di kawasan luar bandar dengan mengemukakan Belanjawan tahun 1978 yang disifatkan sebagai "Bonanza" atau sebagai satu hadiah lumayan kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, kesan Belanjawan 1978 tentu sekali tidak terhad

kepada rakyat di kawasan bandar. Faedah yang timbul dari Belanjawan 1978 tidak sepatutnya ditaksir dari segi pengurangan cukai ke atas solek dan barang-barang kemas sahaja kerana belanjawan itu merangkumi bidang yang lebih luas. Inginlah saya menegaskan bahawa belanjawan tidaklah sahaja berpusat kepada soal-soal cukai samada menaik atau menurunkan cukai tetapi melibatkan juga soal perbelanjaan yang akan dibuat oleh Kerajaan samada Belanja Mengurus ataupun perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan. Oleh itu, kesan Belanjawan 1978 adalah menyeluruh dan menguntungkan kedua-dua rakyat di kawasan bandar serta juga rakyat di kawasan luar bandar. Faedah yang akan dinikmati oleh rakyat adalah berbangkit bukan sahaja daripada langkah-langkah percukaian misalnya penurunan cukai tetapi juga dari dasar Kerajaan mendorongkan peruntukan perbelanjaannya kepada sektor-sektor yang tertentu.

Dari segi percukaian, faedah yang positif adalah ternyata dari perubahan-perubahan cukai yang dilakukan umpamanya ke atas keluaran-keluaran pertanian seperti getah dan kelapa sawit mengenai mana struktur duti eksport telah pun disusun semula menyebabkan penurunan duti di paras harga rendah dan pertengahan. Kajian semula duti yang dilakukan ini akan membantu pengusaha-pengusaha kelapa sawit dan getah, termasuk pekebun-pekebun kecil, supaya kedudukan mereka dalam ekonomi negara dapat dipelihara. Tanggungan cukai oleh koperatif-koperatif juga dikurangkan dengan cara memberi satu potongan istimewa dari jumlah pendapatan mereka. Untuk tahun taksiran 1978, jumlah sebanyak 6% dari kumpulan wang ahli-ahli akan diberi sebagai potongan. Langkah ini tentu akan memberi kesan positif kepada sektor luar bandar memandangkan bahawa sebilangan besar koperatif-koperatif adalah terdiri dari koperatif luar bandar.

Dasar perbelanjaan Kerajaan dapat memberi sumbangan yang besar terhadap kebajikan rakyat dan Ucapan Belanjawan 1978 mencerminkan dasar itu. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, peruntukan perbelanjaan di dalam Belanjawan 1978 telah menekankan pembangunan sektor desa. Bolehlah didapati bahawa bahagian terbesar daripada Belanjawan Pembangunan

1978 telah diperuntukkan kepada rancangan-rancangan pertanian dan pembangunan luar bandar berjumlah \$863 juta berbanding dengan \$718 juta bagi tahun 1977. Perbelanjaan yang sebegini tinggi adalah selaras dengan matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk memberi keutamaan yang paling tinggi kepada pertumbuhan dan pemodenan sektor pertanian di mana terdapatnya kebanyakan daripada golongan miskin dari semua kaum.

Dengan demikian adalah nyata bahawa Belanjawan 1978 memberi faedah yang positif kepada rakyat luar bandar dan juga lain-lain golongan rakyat.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Soalan tambahan. Apa yang dimaksudkan soalan saya ini iaitu sebahagian hadiah kepada orang-orang pekan sudah cukup dengan mengurangkan cukai kepada alat-alat solek itu. Tetapi apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan terhadap orang-orang luar bandar, tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang menaikkan harga barang-barang keluaran tempatan dengan cara mencari pasaran bagi barang-barang keluaran tempatan ini.

Puan Rafidah Aziz: Menaikkan apa Yang Berhormat? Saya tidak dapat perkataan itu tadi. Menaikkan apa tadi?

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Maksud saya kalau kepada orang-orang pekan sudah mengurangkan cukai tentang alat-alat solek tetapi bagi orang-orang luar bandar tidak banyak benda ini digunakan tetapi tidakkah ada cadangan untuk menaikkan harga barang-barang keluaran tempatan dan mencari pasaran yang baik untuk barang keluaran tempatan ini.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidaklah adil kalau dikatakan turunnya cukai atas alat solek atau berlian umpamanya ada menguntungkan orang luar bandar sahaja kerana ini digunakan meluas oleh semua wanita dan tentang soal berlian itu telah diberi tahu bahawa ini ialah untuk mengelakkan berlakunya penyeludupan berlian di negara ini. Dari segi soal oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ini sedang giat dijalankan oleh beberapa Kementerian termasuk Kementerian Pertanian—Datok Haji Mustapha Jabar ada di sini—yang akan

mengatakan bahawa langkah-langkah memang sedang diambil untuk membanyakkan bukan sahaja pengeluaran pertanian tetapi jenis-jenis keluaran pertanian yang akan dapat menjamin sara hidup yang baik kepada petani-petani dan memenuhi keperluan kehendak-kehendak pengguna dan di samping menentukan pesarannya berjalan dengan lebih cekap dan menguntungkan pengeluar-pengeluar kita.

PERUSAHAAN PERLOMBONGAN

5. Datuk V. Ponnusamy Pillai (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah rancangan Kementerian ini bagi menggalakkan pencari galian atau perusahaan perlombongan lain dari bijih timah dan apakah kemajuannya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa di dalam sektor perlombongan Negara kita telah lama bergantung kepada pengeluaran bijih timah semata-mata sebagai satu punca pendapatan negara. Oleh yang demikian, langkah-langkah sedang diambil supaya perusahaan perlombongan dipelbagaikan.

Sebagai langkah permulaan Jabatan Penyiasatan Kajibumi telah diarahkan untuk memperhebatkan usaha-usahanya dalam penyiasatan mencari bahan-bahan galian selain daripada timah. Penyiasatan permulaan telahpun dibuat di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Melalui penyiasatan-penyiasatan permulaan tersebut di atas, Jabatan Kajibumi berpendapat bahawa ada banyak bahan-bahan galian selain daripada bijih timah yang boleh digali secara dagangan, khususnya di kawasan Central Belt di Semenanjung Malaysia. Di antara bahan-bahan galian ialah tembaga, lead, zinc, besi, bauxite, batu arang, tanah liat (clay) dan logam-logam “non-metallic” termasuk logam-logam yang terdapat bercampur dengan logam-logam di atas seperti emas, perak, manganese, pyrrhotite, sphalerite, galena dan chalcopyrite.

Penyiasatan lanjut akan dibuat oleh Jabatan Kajibumi untuk menentukan kawasan, jumlah bahan-bahan tersebut dan juga kualitinya. Untuk mengendalikan penyiasatan lanjutan ini Kerajaan akan menggunakan

pakar-pakar perunding asing khususnya di kawasan Central Belt di Semenanjung Malaysia. Dalam perkara ini perunding-perunding dari Negara Kanada sekarang sedang giat mengendalikan penyiasatan darat di kawasan Central Belt dan penyiasatan pengambilan gambar dari udara akan dibuat tidak lama lagi.

Jabatan Kajibumi juga sedang membuat kajian pemetaan "geochemical" dan geological" dan contoh-contoh "geochemical" yang diperolehi juga dianalisa untuk mengetahui keadaan logam-logam di kawasan-kawasan yang dipeta itu.

Di samping itu Jabatan tersebut juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan makmal di Ipoh untuk memberi perkhidmatan ujian dan nasihat kepada orang ramai dari segi kegunaan logam-logam misalnya perusahaan ceramics yang banyak menggunakan tanah liat. Di samping itu juga satu unit "non-metallic" di Bahagian Geoloji Ekonomi telahpun ditubuhkan di Jabatan tersebut untuk memberi perkhidmatan nasihat kepada orang ramai yang ingin memulakan perusahaan yang berasaskan kepada kegunaan logam-logam "non-metallic" seperti "gravel", "clay", "silica sand", "barite", "phosphate", "limestone", "talc", flourspar" dan sebagainya.

Kajian-kajian lain yang sedang dibuat oleh Jabatan Kajibumi adalah seperti berikut:

- (i) penyiasatan untuk logam-logam "radio-active" di Sarawak dan Pahang;
- (ii) penyiasatan untuk logam besi; dan
- (iii) penyiasatan untuk bijih timah didataran laut.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kajian-kajian yang dijalankan oleh Kerajaan memakan perbelanjaan yang begitu banyak, dengan kapal terbang, pakar luar negeri dan sebagainya. Logam ini adalah kekayaan negara dan di setengah-setengah negara yang mengamalkan sistem demokrasi semacam kita telah menjadikan hak negara; ini bukan bermakna menjadikan hak negara itu, negara ini menjadi Socialist State, tidak tetapi menjadikan hak negara barang-barang yang keuntungannya boleh dirasakan oleh orang ramai. Saya hendak bertanya di sini, boleh atau tidak Kerajaan membuat satu undang-undang atau apa sekali pun, siapa sahaja samada warganegara

atau yang bukan warganegara; samada orang dalam negeri yang hendak melombong walau apa logam sekali pun sekurang-kurangnya 70% sahamnya mestilah di pegang oleh Kerajaan dan 30% lagi bolehlah di pegang oleh sesiapa sahaja di dalam negeri atau di luar negeri, boleh atau tidak dibuat begitu untuk rakyat yang miskin supaya kebanyakannya dapat menikmati kekayaan negara (the wealth of the nation).

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa menggalakkan perusahaan perlombongan. Dasar ini sebenarnya di bawah kuasa Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri ada kuasa mendapatkan syarat-syarat sebelum mining lease dikeluarkan. Dan kalau negara kita hendak menggalakkan perindustrian perlombongan ini, kita mestilah menggalakkan peniaga-peniaga atau syarikat-syarikat untuk mencarigali logam di negara kita. Prospecting itu mesti menggunakan perbelanjaan yang tinggi, oleh sebab itu kita mestilah menimbangkan keadaan ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu benar iaitu tanah dipunyai oleh Kerajaan Negeri, tentu ada centralise policy berkenaan dengan logam, tetapi satu polisi keseluruhannya mestilah ada. Kalau tidak ada dibuatkan satu polisi yang menyeluruh, umpamanya undang-undang di Sabah lain, Selangor lain, maka saya katakan bahawa ianya tidak menggalakkan. Dengan sebab itu saya katakan sekurang-kurangnya 70% daripada saham ini mestilah di pegang oleh Kerajaan. Jadi, saya hendak bertanya, boleh atau tidak dibuat satu polisi begini—dibuat perundingan di antara semua Kerajaan Negeri? Kalau boleh Kerajaan Persekutuan memanggil semua Kerajaan Negeri dan rundingan di atas perkara ini, saya percaya ianya boleh dibuat begitu.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu menyetujui Perlembagaan Negara kita. Apa yang saya boleh perkatakan di sini, Majlis Tanah Negara boleh mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan bahawa pada masa ini ada

satu rombongan expert daripada Kanada yang sedang bekerja untuk mencarigali di negara kita, bolehkah saya dapat jawapan di negeri Kanada sendiri di mana lombong-lombong yang telah ditinggalkan oleh orang Kanada sendiri telah dikerjakan oleh orang-orang Jepun. Ini menunjukkan bahawa orang Jepun lebih mahir di dalam kerja mengeluarkan atau lebih ekonomik di dalam menghasilkan galian-galian mereka. Jadi, apakah sebabnya kita memilih expertise daripada Kanada tetapi tidak daripada Jepun.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, Kanada telah memberi bantuan kepada negara kita untuk mencarigali di Central Belt di Semenanjung Malaysia.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan disebabkan perlombongan bijih timah satu daripada sumber kekayaan tanahair kita Malaysia sekarang juga terkenal di seluruh dunia, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu setakat manakah kemajuan perlombongan di negeri kita ini pada masa sekarang dan berapa buah negeri dalam Malaysia yang sekarang dapat diusahakan mengeluarkan bijih timah?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya tahu di dalam negeri Perak, negeri Selangor, negeri Pahang dan Johor ada mengeluarkan bijih timah tetapi ada bijih timah di negeri-negeri lain juga.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri ini berkenaan dengan kemajuan sekarang ini, kemajuan yang pesat berkenaan dengan pembukaan tanah di seluruh negara seumpama Trengganu Tengah, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara. Jadi benarlah sebagaimana yang dikatakan tadi hal tanah ini adalah perkara yang berhubung dengan Kerajaan Negeri tetapi perkara perlombongan tidak semuanya sekali di dalam tangan Kerajaan Negeri. Ini adalah usahasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Jadi di dalam pembukaan tanah-tanah yang disebut tadi dan banyak di kawasan-kawasan yang akan dibuka, adakah telah dibuat penyiasset di kawasan yang

tersebut itu ada mempunyai logam-logam yang berharga ataupun tidak? Sekiranya tidak dibuat, diberi begitu sahaja, tidakkah ini bermakna mendatangkan kerugian kepada negara Malaysia, lebih-lebih lagi jikalau sekiranya di kawasan itu kelak dibuat bandar-bandar, maka akan beradalah di bawah bandar itu logam-logam yang berharga sebagaimana di bandar Kuala Lumpur ini ada mengandungi bijih timah. Tidakkah pada masa ini jikalau sekiranya kita hendak robohkan bandar itu kerana hendak mengorek logam-logam ini mendatangkan kerugian? Sebaliknya pula jikalau ditinggalkan logam-logam itu di dalam tanah itu mendatangkan kerugian pula. Maka tidakkah menjadi satu perkara yang bijaksana sebelum kawasan-kawasan ini dibuka maka dibuat penyiassetan yang sehabis-sehabis teliti supaya memastikan di dalam itu ada mempunyai logam-logam ataupun tidak?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah dasar Kerajaan kita.

PERATURAN BAGI MAJLIS TEMPATAN

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa ada berbeza-beza peraturan yang dijalankan oleh majlis-majlis tempatan di negara ini dan jika ya, samada beliau akan mengambil tindakan untuk menyamakan peraturan-peraturan ini.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada berbeza-beza peraturan yang dijalankan oleh Majlis-majlis Tempatan di negara ini buat masa sekarang. Bagaimanapun adalah sudah menjadi dasar Kerajaan untuk menyusun semula Majlis-majlis Tempatan di Semenanjung Malaysia. Bagi tujuan ini Kementerian saya telahpun mengambil langkah untuk menseragamkan peraturan-peraturan bagi Majlis-majlis Tempatan dengan mengadakan 3 Akta pokok iaitu Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 untuk dipakai oleh semua Majlis-majlis Tempatan yang telah disusun semula. Namun begitu, pemakaian Akta-akta ini akan mengambil masa. Yang Berhormat

Senator janganlah merasa ragu tentang hal ini kerana saya pasti suatu masa kelak Majlis-majlis Tempatan di negara ini akan memakai peraturan-peraturan yang seragam.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama adakah lagi Majlis-majlis Tempatan dalam Semenanjung ini yang belum kita susun semula dijadikan Majlis Daerah? Yang kedua, adakah Majlis-majlis Daerah penyusunannya itu akan diluaskan ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan adakah telah dibuat perundingan dengan kedua-dua Kerajaan itu?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama ada banyak lagi Majlis-majlis Daerah yang belum disusun semula. Buat masa sekarang kerja ini telah selesai di negeri Selangor dan di negeri Johor ada lagi satu dua Majlis yang belum disusun semula. Di negeri-negeri lain kerja ini belum selesai dijalankan.

Berkenaan dengan soalan yang kedua berkenaan dengan negeri Sarawak dan Sabah, buat masa sekarang kita ada berbincang tetapi belum dicapai satu understanding oleh sebab perkara ini adalah satu perkara Kerajaan Negeri masing-masing dan kita akan menyambung perbincangan mengenai perkara ini.

BOT LAJU KASTAM

7. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kewangan adakah Kerajaan sedar bahawa cawangan pencegah penyeludupan masih kekurangan, (a) kakitangannya (b) bot-bot laju (c) lanci dan alat-alat moden. Apa perhatian khas dapat diberikan pada unit ini supaya dapat berjalan dengan sempurna untuk mencegah penyeludupan yang sedang bertambah dalam negara ini.

Menteri Tak Berpoffolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya ingin menjawab soalan ini iaitu Kerajaan sedar serta mengakui bahawa beberapa kesulitan masih dihadapi oleh Bahagian Pencegah, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, dalam melaksanakan tugas-tugas mencegah penyeludupan. Kekurangan kakitangan adalah di antara kesulitan-kesulitan itu, tetapi Jabatan Kastam

dan Eksais Di Raja keseluruhannya menghadapi masalah ini. Walau bagaimanapun Kerajaan berharap akan dapat mengatasi kesulitan ini tidak lama lagi dengan perantikan pegawai-pegawai baharu dan peluang akan diambil bagi memberi keutamaan untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong di Bahagian Pencegah.

Masalah berhubung dengan kekurangan bot-bot laju telah juga diberi perhatian. 10 buah bot laju telah dibekalkan ke Johor Bahru memandangkan bahawa penyeludupan yang rumit ialah yang berlaku di antara Singapura dan pantai Negeri Johor. 5 buah lagi akan dibekalkan apabila siap dibina kelak. Kerajaan telah juga membekalkan kepada Bahagian Pencegah Kastam dan Eksais Di Raja alat-alat seperti enjin-enjin motor sangkut baru, teropong (binoculars), siren dan signal light, kamera untuk menjalankan tugas-tugas biasa dengan lebih sempurna dan pada masa ini sedang mengambil tindakan untuk membeli senjata seperti pistol dan senjata automatic untuk menampung keperluan pegawai-pegawai. Pembinaan 3 buah lanci yang besar akan diselenggarakan dalam tahun ini dan pembelian alat perhubungan moden sistem HF—SSB yang sesuai akan dibeli dalam tahun ini juga selepas ujian oleh Jabatan Talikom. Kelengkapan lain seperti kenderaan-kenderaan yang sesuai akan dibeli selepas ujian. Dengan langkah-langkah yang telah disebutkan itu, saya yakin bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dapat menjalankan tugas mencegah penyeludupan dengan lebih sempurna.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada dua perkara yang saya hendak jadikan soalan tambahan. Adakah dengan sebab kurangnya kakitangan Jabatan Pencegah Penyeludupan ini dan berapa lama jawatan itu telah kosong dianggap bahawa ini adalah satu kecuaihan Kerajaan tidak memenuhi kehendak-kehendak daripada Jabatan ini, dan dari sekarang boleh atau tidak Kerajaan mengambil satu tindakan yang istimewa bahawa jawatan ini patut diberikan keutamaan yang lebih awal?

Yang kedua, tadi Yang Berhormat telah mengatakan ada peruntukan beli pistol dan lain-lain. Adakah kakitangan ini telah kita berikan latihan kepada mereka untuk menggunakan senjata ini?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan yang pertama suka saya menjelaskan dalam Dewan ini bahawa apabila Kementerian Kewangan mengambil langkah-langkah supaya membekalkan pegawai-pegawai untuk menjalankan tugas-tugas dalam cawangan pencegahan, haruslah pegawai-pegawai itu dapat dilatih dengan sepenuh-penuh yang boleh dan latihan itu pada lazimnya hendaklah memakan masa sedikit supaya latihan itu dapat dijalankan dengan sempurna agar pegawai-pegawai itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka yang penting itu dengan baik dan halus. Oleh sebab itulah telah memakan masa sedikit untuk memenuhi kekosongan jawatan yang sedia ada.

Berkenaan dengan latihan untuk menggunakan senjata itu, itu memanglah ada satu bahagian daripada latihan-latihan yang sedang dan akan terus juga dijalankan supaya pegawai-pegawai kita itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan seberapa sempurna yang boleh.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sungguhpun kita tidak ada mempunyai bot-bot yang laju, kalau misalnya di dalam perairan (territorial waters) kita, penyeludup masuk, kemudian kita kejar, tentu mereka lari ke laut lepas (open sea). Katakanlah di Selat Melaka, apabila kita kejar, mereka masuk ke Indonesia territorial waters. Adakah perjanjian di antara Indonesia dengan kita berkenaan dengan kejar-mengejar, masuk-memasuki kerana penyeludupan ini?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya belum ada perjanjian antarabangsa di antara Indonesia dengan kita dalam bidang ini, akan tetapi semua tindakan yang telah diambil adalah bagi pihak kita sendiri supaya sebelum orang-orang yang menjalankan penyeludupan itu masuk ke perairan Indonesia, kita dapat mengejar, mengepung dan menangkap mereka. Ini banyak bergantung kepada orang ramai

yang telah memberi kerjasama kepada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja untuk memberi maklumat-maklumat yang baik dan boleh dipercayai.

PERLINDUNGAN TARIF

8. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) sejauh manakah penyeludupan dan kemasukan ke Malaysia barang-barang yang mendapat perlindungan tarif; dan
- (ii) berapakah dan apakah jenis sungutan-sungutan yang telah diterima oleh Kementerian beliau daripada usahawan-usahawan di dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa telah ada kejadian penyeludupan barang-barang yang mendapat perlindungan tarif dari masa ke masa terutamanya apabila tarif tersebut adalah tinggi cukup untuk menjadikan kegiatan-kegiatan tersebut menguntungkan. Pada keseluruhannya, paras tarif di Malaysia adalah rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri membangun yang lain di kawasan ini, kecuali Singapura, maka oleh itu galakan untuk menyeludup barang-barang seperti itu tidak begitu besar.

Kebanyakan kes-kes perlambakan atau "dumping" yang diketahui adalah dilakukan melalui "marginal pricing" yang bermakna menjual di pasaran ekspot pada harga-harga untuk meliputi hanya kos-kos berubah ("variable costs") barang tersebut. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk menentukan perlambakan (dumping) kerana maklumat-maklumat mengenai kos-kos, keuntungan pengedaran dan cukai-cukai di dalam negeri pengekspot adalah sukar diperolehi. Oleh itu tidak ada tindakan anti-perlambakan (anti-dumping) telah diambil terhadap mana-mana negeri.

Jumlah aduan mengenai penyeludupan yang diterima adalah kecil dan aduan-aduan seperti itu telah dirujuk kepada Jabatan Kastam untuk tindakan sewajarnya. Mengenai perlambakan (dumping) Kementerian saya sehingga ini telah tidak menerima mana-mana aduan rasmi untuk diambil tindakan

anti-perlambakan, tetapi aduan-aduan adalah diterima dari masa ke masa mengenai dakwaan perlambakan (alleged dumping) untuk membolehkan usahawan-usahawan mendapat perlindungan tarif untuk barang-barang mereka. Walau bagaimanapun, apabila usahawan-usahawan memohon untuk perlindungan tarif, mereka sering kali menyatakan perlambakan atau ancaman perlambakan sebagai satu daripada sebab-sebab untuk membolehkan mereka mendapat perlindungan tarif.

Tuan V. V. Aboo: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan berapa tangkapan yang telah dibuat pada tahun 1975 dan 1976?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, penangkapan mengenai penyeludupan atau kes dumping. Kalau penyeludupan apabila kita dapat aduan, kita terus menghubungi Jabatan Kastam untuk mengambil tindakan dan perkara ini tidak dilaporkan balik kepada Kementerian saya.

TANAMAN BAWANG DAN UBI KENTANG

9. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihak Kementerian mengkaji atau menyelidik samada tanah-tanah di negara kita ini ber-sesuaian dengan tanaman bawang dan ubi kentang dengan cara besar-besaran. Jika sesuai, adakah Kementerian akan membuat rancangan supaya petani-petani digalakkan menanam tanaman tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, tanah yang sesuai ditanam bawang dan ubi kentang di negara kita memanglah ada. Percubaan telah dibuat oleh pihak MARDI di dalam tanaman bawang merah seperti yang telah dibuat di Parit Bunga, Muar, di Sungai Udang, Melaka, di Selangor, Kedah, Perlis dan juga di Perak. Kebanyakan percubaan ini telah mendatangkan hasil yang memuaskan. Tetapi tanaman ubi kentang hanya didapati sesuai di tanah tinggi seperti di Cameron Highlands. Tanaman ubi kentang di tanah rendah dan hawa panas masih lagi di dalam kajian selanjutnya untuk ditanam di negara ini. Sungguhpun begitu penyelidikan perlu diteruskan

sebelum kedua-dua jenis tanaman ini ditanam secara besar-besaran. Umpamanya bawang merah terlalu sensitif terhadap pertukaran di dalam sukatan air yang ada. Kekurangan air akan mengurangkan pertumbuhan dan hasil pengeluarannya dan berlebihan air akan menjadikan reput.

Penyelidikan juga sedang dijalankan untuk mengkaji mutu jenis ubi kentang yang tahan penyakit. Mengkaji potensi pengeluarannya, cara-cara menanam yang sesuai dan langkah-langkah untuk mengawal penyakit.

Di mana didapati sesuai tanaman bawang kecil adalah digalakkan. Bantuan telah disediakan oleh Kementerian Pertanian iaitu di bawah input mempelbagaikan pertanian yang berupa matabenda, seperti benih, baja dan lain-lain keperluan input yang bernilai tidak lebih daripada \$450 satu ekar.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya berterima kasih di antara satu tempat penyelidikan yang telah berjaya dibuat menanam bawang merah ini diadakan di Parit Bunga, Muar. Adakah Kementerian ini bersetuju dengan saya bahawa usaha Kementerian ini hendak menanam bawang merah dan ubi kentang hanya macam mainan budak-budak sahaja. Dan dengan keadaan ini kita sudah merdeka 20 tahun, kita tahu semua rakyat hendak makan bawang merah dan ubi kentang, tidakkah Kerajaan memikirkan bahawa usaha yang dibuat itu tidak akan berjaya dan Kerajaan lebih baik membeli atau mengimpor bawang merah dan juga ubi kentang ini daripada luar negeri.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa usaha Kementerian ini macam mainan budak-budak dan penyiasatan ini bukan dibuat oleh pihak MARDI sahaja tetapi adalah dengan kerjasama daripada pusat International Potatoes Centre yang membuat penyelidikan serupa ini. Oleh itu saya fikir budak-budak tidak boleh membuat perhubungan dengan International Potatoes Centre.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan. Setelah kita mendengar penjelasan dan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampaklah bahawa di Trengganu dan Kelantan tidak dibuat

sebarang percubaan dan penyiataan untuk menanam ubi kentang dan bawang merah. Oleh itu saya hendak tahu, kenapa dua negeri ini ditinggalkan?

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, percubaan yang dibuat ini oleh MARDI, tetapi yang sebenarnya di Trengganu dan Kelantan memang ada yang telah menanam bawang merah dan telahpun berjaya. Jadi, oleh kerana itu tanah-tanah yang mengandungi jenis tanah gembur pasir, lumpur paroi, liat paroi, lanar sungai dan lanar laut adalah merupakan tanah-tanah yang sesuai. Jika didapati tanah yang serupa ini jika sekiranya ada petani-petani yang ingin menanam dan ingin mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian, sila berhubung dengan Jabatan Pertanian yang hampir sekali.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada ubi kentang tanaman negeri ini yang dinamakan ubi kemili, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak tahu.

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tahu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Kalau tahu saya hendak bertanya. Tuan Yang di-Pertua, adakah Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian atau pegawai-pegawai pertanian menyelidik kerana Pejabat Pertanian sudah ada 20-30 tahun dahulu untuk mengkahwinkan di antara kentang yang datang daripada luar negeri dengan kentang kemili yang terdapat banyak di Trengganu.

Dato Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak kahwinkan satu-satu jenis tanaman mestilah mempunyai persamaan daripada segi umur, dari segi keadaan hidup di dalam tanah, dia tidak boleh main kahwin-kahwin buta begitu sahaja. (*Ketawa*) Sebab kalau kita paksa-paksa kahwin tidak usahakan kentang, manusia pun kalau kahwin paksa pun tidak boleh jadi, kena mencari persesuaian terlebih dahulu baru boleh dipersuaikan.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG

10. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kesihatan menyatakan samada tender untuk membesarkan Hospital Besar Pulau Pinang

telahpun ditawarkan dan bilakah kerja-kerja akan dimulakan memandangkan keadaan kesesakan yang wujud sekarang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, projek untuk meluaskan Hospital Pulau Pinang masih belum dikeluarkan tawarannya oleh kerana perancangan hospital tersebut adalah di dalam peringkat akhir sekarang ini. Semua pelan-pelan yang berkaitan dijangkakan siap tidak lama lagi, kerja-kerja untuk menyusun semula perkhidmatan-perkhidmatan yang ada sekarang seperti paip untuk mengalirkan kotoran, pembentongan bekalan air dan kebel letrik dijangka bermula di tempat projek ini pada awal tahun ini. Apabila kerja-kerja asas ini telah siap maka projek ini sahaja dijangka akan dimulakan sebelum penghujung tahun ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sudah mengkaji semua Hospital Besar yang ada dalam tanahair kita ini berhubung dengan kesulitan dan patut ditambah lagi supaya dirancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, selain daripada Hospital Pulau Pinang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu agak umum sedikit, tetapi memang benar Kementerian sentiasa mengkaji kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh semua hospital dalam negeri ini.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini sudah saya bawa beberapa kali dan saya hairan kerana peruntukan ini memang ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Hari ini sudah hampir-hampir hendak habis Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi tidak mendengar khabaran yang tepat bilakah pembesaran hospital ini akan dimulakan kerana saya adalah salah seorang daripada ahli pelawat. Saya tahu benar-benar bagaimana kesusahan yang dihadapi oleh pesakit-pesakit dan orang-orang yang datang berubat daripada out-patients tidak kurang daripada 1,000 orang tiap-tiap hari. Jadi saya minta satu jawapan yang tegas bilakah tendernya akan dikeluarkan dan bila agaknya kerja ini akan dimulakan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan bahawa projek ini dijangka akan bermula pada hujung tahun ini.

PENGGANAS KOMUNIS MENYERAH DIRI

11. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar ramai pengganas komunis menyerah diri kepada pihak yang berkuasa. Pada akhirnya mereka mengaku taat dan setia kepada Raja dan Negara, kerana dengan itu mereka diberi keampunan dan banyak kemudahan. Kalau kita amat-amati bahawa pengganas-pengganas komunis ini telah menderhaka kepada Raja dan Negara, setelah mana mereka tidak dapat berbuat apa-apa dan sekiranya mereka berjuang terus mereka akan kebuluran dan mungkin akan mati ditembak oleh Pasukan Keselamatan, maka mereka tidak ada lain pilihan mereka pun menyerah diri. Oleh yang demikian mengapa bekas-bekas polis dan tentera tidak dapat kemudahan seperti yang diperolehi oleh pengganas-pengganas komunis yang telah menyerah diri itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca soalan yang ke 11 ini, saya sangat takjub bahkan saya sedih bahawa Yang Berhormat sanggup membuat satu tuduhan bahawa bekas-bekas polis dan tentera tidak dapat kemudahan seperti yang diperolehi oleh pengganas-pengganas. Ini saya rasa adalah satu tuduhan yang paling serious daripada Ahli Yang Berhormat. Jadi, saya minta pada Ahli Yang Berhormat tuduhan yang begini zalim terhadap Kerajaan, kalau dapat betul-betul diperkatakan di sini, di manakah bukti-buktinya maka Kerajaan membuat begini sebelum saya menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada!

TUNJUK "KEKUATAN" DI KELANTAN

12. **Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) dengan terperinci samada benar bahawa peristiwa-peristiwa tunjuk "kekuatan" (bukan tunjuk perasaan) telah dilakukan di setiap pekan dan tempat di Kelantan selain daripada Kota Bharu dan Kubang Krian dan ini menjadikan seluruh negeri Kelantan dalam keadaan yang sangat merbahaya yang mengakibatkan pengisytiharan darurat di negeri itu; dan

(b) nama segala tempat yang sangat berbahaya di negeri Kelantan yang telah dikenakan perintah berkurung akibat "tunjuk" "kekuatan" yang menjadi punca keadaan darurat dipaksakan ujud di negeri itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sepatutnya tidak payah timbul lagi kerana semua jawapan yang dikehendaki telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya sendiri dengan panjang lebarnya pada waktu membahaskan Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat Kelantan di Dewan yang mulia ini. Jadi, saya berasa tidak ada apa-apa lagi yang hendak ditambahkan mengenai perkara yang tersebut.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini, saya ingin mendapat tahu satu huraian atau takrif berhubung dengan tunjuk "kekuatan" yang dimaksudkan dalam soalan ini adakah tunjuk "kekuatan" antara parti siasah atau tunjuk "kekuatan."

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, diharapkan soalan itu ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat, sebenarnya.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Menteri berkata soalan ini tidak patut ditimbulkan, tetapi apabila berbangkit soalan teman saya tadi ditujukan pula Yang Berhormat Menteri kepada saya, jadi biar saya beri penjelasan. Mengikut fahaman saya soalan yang disebut tunjuk "kekuatan" yang sebenarnya adalah dengan tujuan mempertahankan Menteri Besar Kelantan menentang Kumpulan 20 ini. Jadi inilah istilah yang saya sebutkan untuk "kekuatan" bukan tunjuk perasaan dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah kalau benar perkara ini berlaku kenapa diistiharkan perintah darurat?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sudah dijawab tadi bahawa Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) ini dibawa dengan sebab-sebab yang tertentu, umpamanya, macam dihuraikan dengan panjang lebar sampai gaji pun tidak boleh bayar, tidak ada

siapa yang hendak membuat pekerjaan dan tiada siapa yang bertanggungjawab. Jadi, tidak ada bersangkut-paut dengan cara direct berkenaan tunjuk "kekuatan" atau tunjuk perasaan di dalam hal ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (NO. 4)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb Januari, 1978).

3.28 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam dalam Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkenaan dengannya.

Sebagaimana semalam setelah saya katakan dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kelak suasana dadah adalah berkurangan disebabkan pengedar dan pemilik dari orang awam mungkin merosot. Tetapi satu perkembangan baru hendaklah diawasi oleh Kerajaan kerana permintaan heroin, dadah dan jenis-jenisnya adalah mendadak, mendesak samada di luar negeri ataupun dalam negeri dengan harga pasaran yang begitu tinggi. Maka syndicate dadah ini telah mengubah sistemnya iaitu mendapatkan agen-ajennya seberapa banyak yang boleh. Mereka gunakan anggota Kerajaan termasuk polis, askar, kastam, pelancang, pegawai sukarela dan pegawai-pegawai diplomatik di kedutaan-kedutaan. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, bukannya sahaja desas-desus yang diterima daripada mulut rakyat termasuklah kenyataan yang terang bagaimana yang kita telah dapati seorang pegawai kastam telah memiliki dadah berharga \$50,000. Demikian juga sukarelawan Amerika yang telah bertugas di Kelantan baru-baru ini, termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan yang telah kita pulihkan mereka dari Pusat-pusat Pemulihan Dadah.

Saya percaya bahawa sindiket ini akan mencari lebih banyak lagi agen-ajennya supaya dapat menjalankan kehendak dan matlamatnya. Oleh itu, saya mengharapkan Jabatan Perdana Menteri membuat satu kajian dan penyelidikan samada kakitangan Kerajaan Pusat, Negeri atau Badan-badan Berkanun membuat satu analisa perangkaan yang sebenar jumlah mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah dan penagihan dadah ini. Demikian juga kepada Pasukan Tentera dan Pasukan Keselamatan kita kerana daripada tiga bahagian inilah alat yang penting kepada negara kita selain daripada orang awam dan pada mereka ini kita khuatir dan takut dipengaruhi oleh anasir-anasir ini.

Selain daripada tindakan tatatertib ke atas mereka yang terlibat ini hendaklah dibawa ke mahkamah menurut Rang Undang-undang ini kerana negara kita wajar mensifatkan dadah itu lebih merbahaya daripada peng-ganas komunis, malahan masalah dadah ini adalah salah satu tektik komunis terhadap negara kita. Selain daripada itu, Kerajaan hendaklah menerima aduan daripada orang ramai atau penagih dadah atau pengedar dadah yang telah menunjukkan kerjasamanya dengan Kerajaan dalam kes ini. Janganlah pihak yang tertentu bersikap acuh tak acuh sebagaimana keadaan sekarang, bahkan telah diterima oleh ahli-ahli PEMADAM kita, mereka khuatir hendak melapurkan hal ini kepada Polis atau pihak yang berkenaan kerana mereka akan dihujani dengan bermacam-macam soal yang menakutkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya berasa bangga apa yang saya katakan semalam bahawa sindiket dadah berada di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Kenyataannya sebagaimana yang telah kita ikuti dalam lapuran akhbar pada hari ini, iaitu "Hancurkan Sindiket Penyeludupan Dadah, saudagar balak di antara yang tertangkap" Negara patut mengucapkan tahniah atas kejayaan Polis Persekutuan yang telah membuat tangkapan kepada sindiket ini dan kita harap akan menjadikan satu contoh dan tauladan kepada Polis wilayah yang lain. Mereka telah berjaya menghancurkan salah satu sindiket dadah yang sedang bergerak dalam negeri kita ini.

Selain daripada itu, satu penghargaan juga yang patut kita berikan kepada Anggota Polis Persekutuan iaitu tidak terpengaruh dan tidak tertawan dengan tindak-tanduk dan

tekanan wang yang disogok atau ditawarkan oleh kumpulan ini ketika mereka ditangkap ataupun selepas daripada mereka ditangkap. Ini satu perkara yang patut kita ucapkan tahniah kepada Pasukan Polis kita. Yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sindiket-sindiket ini bertopengkan perniagaan yang dihalalkan oleh Kerajaan melalui syarikat-syarikat impot dan ekspot. Ini patut diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan ketika mengeluarkan satu-satu lesen dan sijil perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, barulah saya hendak menyentuh dalam fasal pindaan Rang Undang-undang ini iaitu patut menghapuskan sistem juri dalam kes-kes dadah adalah dialukan iaitu satu langkah yang berkesan terhadap mereka yang terlibat dalam dakwaan kes dadah ini kerana pada masa yang lalu mereka boleh menggunakan juri-juri ini untuk bersimpati dengannya dan dengan itu menjadikan satu kelemahan kepada pengadil-an undang-undang.

Menyentuh dalam mengadakan satu peruntukan baru, iaitu memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi dalam mengenakan hukuman sepenuhnya. Dalam keadaan ini banyak mahkamah boleh membicarakan kes dadah dan boleh juga membasmikan prasangkaan rakyat dalam negeri ini bahawa telah mengatakan Kerajaan tidak tegah dalam melaksanakan Rang Undang-undang Dadah. Pihak Polis juga bosan kerana banyak kes-kes yang ditangkap bila dibawa ke mahkamah kesnya dibuang bicara. Saya pun kurang arif dalam masalah undang-undang ini, adakah kes dadah ini dikehendaki supaya hakim-hakim kita diberi satu kursus undang-undang dalam bidang hukuman ini menyebabkan kes dadah ini masih begitu banyak lagi belum diselesaikan. Kalau sekiranya ada yang demikian satu pandangan patut diberikan kepada hakim-hakim.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara dadah ini juga samada meliputi dalam peruntukan pindaan ini iaitu pemandu kereta atau pemandu kenderaan selepas menghisap dadah mereka membawa kereta. Kalau tidak ada, saya harap Kementerian ini mengambil satu perhatian menjadikan satu kesalahan ke atas pemandu-pemandu kenderaan dan kereta yang sedang mabuk dadah kerana bukan sahaja mudharat pada dirinya bahkan akan memberikan mudharat kepada penumpang penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh dalam masaalah pemadu yang telah mabuk dadah ini. Baru-baru ini telah berlaku satu kejadian seorang Pegawai Kastam di Johor Bahru yang sedang mabuk dadah dia telah melanggar orang ramai menyebabkan orang ramai itu maut dan bila dibawa ke mahkamah dan dibicarakan, dia mengatakan pada ketika dia memandu kereta itu dia mabuk dengan menghisap dadah. Keadaan ini patut diambil perhatian oleh Kerajaan supaya orang ramai itu terselamat nyawanya bila menaiki kenderaan-kenderaan yang didapati bahawa pemandunya itu sedang mabuk dadah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, satu perkara yang saya fikir patut saya sentuh dalam tambahan Rang Undang-undang ini memberikan satu peruntukan sekurangnya ditangkap dalam kes dadah ini tidak dibenarkan jamin. Ini satu perkara yang sangat baik dan saya sokong, iaitu pernah dikemukakan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini supaya siapa juga yang ditangkap bersabit dengan kes dadah ini patut jangan dibenarkan jamin. Dengan keadaan ini bahawa Rang Undang-undang yang dahulu itu mempunyai satu kelemahan, dengan sebab itu agaknya sudah sampai ketikanya pada masa ini Kerajaan membuatkan peruntukan tambahan yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendapati mereka yang dituduh ini bila kita benarkan dia jamin pada masa yang lalu, mereka keluar daripada tempat ini telah mengambil satu tindakan tekad dan kadangkala penagih dadah ini menghisap dadah dengan begitu teruk, keadaan ini tidak dapat dijalankan tindakan kepada mereka bila mana kita hendak menghadapkan ke mahkamah. Satu perkara yang saya fikir patut Kerajaan memberikan perhatian jangan hendaknya mereka yang ditahan tanpa jamin ini terus pula dia dapat menghisap dadah dalam rumah tahanan. Dadah ini kita dapat mungkin juga melalui warder-warder ataupun Polis, jadi kalau didapati begini kita patut mengambil tindakan kepada siapa yang bersubahat dalam menyeludupkan dadah kepada tempat-tempat tahanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.38 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sebab diberi peluang mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang ini. Apabila kita baca Rang Undang-undang ini saya sendiri lebih awal menyokong iaitu Rang Undang-undang ini ialah menguatkan Undang-undang yang dahulu. Dengan adanya Rang Undang-undang ini maka bertambah kuat dan kemas tetapi kita harus berfikir sejenak dengan ada sahaja undang-undang saya fikir dadah merbahaya ini juga tidak akan dapat dihapuskan sama sekali, bahkan mengambil masa yang panjang, kiranya ketegasan tidak diambil selanjutnya.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, penghisap-penghisap dadah itu sendiri hendaklah disifatkan dia sebagai penjenayah yang boleh didakwa dan dihadapkan ke mahkamah—bukan orang yang mengedarkan dadah sahaja yang patut didakwa, penghisap dadah itu sendiri hendaklah didakwa dan disifatkan dia sebagai penjenayah.

Pada hari ini penghisap-penghisap dadah ini tidak disifatkan sebagai penjenayah tetapi dipelihara dan diberi rawatan supaya mereka itu balik semula menjadi manusia yang berguna kepada negara. Dalam masalah ini, pada pandangan saya yang cetek, kerana saya kurang arif, tidak sama dengan sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, yang beliau tahu bilangan rumah membuat dadah di Kuala Lumpur dan beliau tahu dalam hutan Pahang yang luasnya 14,000 batu persegi ada pokok ganja dan pada hemat saya kalau beginilah teropong Gunung Ledangnya, maka pihak PEMADAM atau Kerajaan kita ini patut mengambil beliau sebagai penasihat dalam memerhatikan kebangkitan perkembangan dadah dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa dadah yang ada dalam negara kita.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya diberi jalan?

Datuk Haji Abdul Razak bin Husain: Boleh.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Terima kasih. Tidakkah Yang Berhormat itu sedar bahawa saya dengan beliau itu sama sahaja pengetahuannya dalam masalah ini.

Datuk Haji Abdul Razak bin Husain: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa dadah ini datangnya bukan dari dalam negeri sahaja, dadah ini datangnya daripada luar negeri. Oleh sebab negara kita luas dengan luasnya pantai-pantai kita maka saya fikir Kerajaan patut mengkaji, menambah peruntukan bagi membeli bot-bot, jentera-jentera yang boleh digunakan oleh polis laut dalam menyasat dan mengepong kalau-kalau ada perahu atau motorbot penyeludup dan sebagainya. Kita menambah pegawai-pegawai kastam, kita menambah ketatkan pemeriksaan di lapangan terbang, kita ketatkan di sempadan keluar masuk dalam negara kita ini, di samping itu kita juga mengenakan undang-undang kepada penghisap-penghisap dadah apatah lagi pengedar-pengedar dadah dan kita haruslah mempunyai had-had dalam tekad kita bahawa dadah ini mesti diperangi, sama juga tekadnya bagi memerangi komunis. Kita harus mengadakan peruntukan kewangan barang siapa yang boleh mengeluarkan rahsia adanya dadah secara terbuka diberi hadiah walaupun Kerajaan, pihak polis ada peruntukan-peruntukan ini, tetapi masaalah-masaalah pembayarannya agak sedikit, maka rahsia itu kadangkala kurang dapat kita ketahui daripada orang ramai. Saya menyarankan perkara ini kepada pandangan Kerajaan supaya ditimbangan dengan sebaik-baiknya.

Dadah yang sebenarnya tidak banyak dalam negara kita, yang banyak datangnya daripada Siam. Jadi, pengawalan kita di sempadan harus ketat. Kalau kita tahu bahawa dadah ini merbahaya terutama sekali sudah dihisapi oleh murid-murid dan orang-orang yang menganggur supaya khayal hidupnya, supaya pendek pandangannya daripada menyelesaikan masaalah hidupnya pada masa yang akan datang, di samping itu pihak-pihak yang tertentu mengambil kesempatan menjual dadah kerana keuntungan.

Kalau sekiranya 6 lbs. dadah yang telah dirampas oleh polis baru-baru ini mengikut lapuran akhbar boleh disuntik lebih daripada beratus ribu suntikan, jadi nyatalah bahawasanya perkara yang seumpama itu patutlah dikaji kerana kalau rakyat negara kita ini kebanyakannya menghisap dadah maka apalah jadinya negara kita ini pada masa yang akan datang kelak.

Selain daripada itu, saya menyokong pandangan sahabat saya supaya kakitangan Kerajaan yang menghisap dadah ini harus diberhentikan. Perkara ini ada berlaku kepada Jabatan Kastam—bukan semua, berlaku kepada Polis di Kuantan, ada pada mata-mata gelap, jadi kalau orang-orang ini yang menjadi harapan Kerajaan supaya menangkap orang yang menghisap dadah yang dia sendiri menghisap dadah, di manalah rahsiannya boleh kita dapat atau di manakah bocornya boleh kita dapat rahsia menghisap dadah itu. Kerajaan harus berfikir semula untuk mengenakan satu kesalahan kepada orang yang menghisap dadah ini.

Saya menyokong Bil ini kerana pada saya Bil ini tidak begitu berat untuk memohon kuasa dibicarakan daripada Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi dan juga mengurangkan supaya tidak menggunakan pengapit hakim atau juri dan orang yang mengedar dadah tidak boleh dijamin, itu akur dan saya bersetuju dengan pendapat ini. Tetapi mengadakan undang-undang sahaja sebagaimana saya katakan tadi, saya fikir tidak cukup, maka pengawasannya secara habis-habisan perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dadah ini sudah tidak boleh kita kawal, menyeludupi kepada semua tentera atau polis keseluruhannya atau kepada murid-murid dalam negara kita ini, negara kita tidak dapat dikawali kerana membawa dadah dalam negara kita ini sebahagian daripada tektik kominis, sebahagian daripada cara komunis memberi makan, memberi hisapan kepada rakyat negeri ini supaya mereka tidak terfikir tanggungjawab kepada negara ini. Oleh yang demikian, saya tidak hendak bercakap banyak, hanya saranan-saranan saya yang cetek ini harus mendapat pertimbangan daripada Kerajaan dan akhirnya dengan sepenuh hati, saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

3.48 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong oleh kerana Rang Undang-undang ini baik dan saya tidak mahu bahas berkenaan perkara ini, cuma pandangan saya terhadap dadah dan bagaimana dadah ini terpaksa kita pertahankan daripada merebak.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya dadah ini merebak keseluruhan negara-negara bebas—bukan sahaja dadah ini ada di negeri kita tetapi di Eropah kalau menengokkan pemuda-pemudinya, misalnya ke negeri Belanda, ada satu square penuh dengan lelaki dan perempuan menghisap dadah. Penyakit ini bukan penyakit Tanah Melayu atau Malaysia tetapi penyakit negara bebas macam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebab saya katakan penyakit ini bebas, sebab di dalam negara yang bebas ini orang mencari duit secara apa yang disukainya, secara menipu, mengkhianat, mencuri, menembak, membunuh kawan untuk mengambil duit. Ini semua penyakit negeri bebas, sungguhpun negeri bebas itu ada bermacam-macam ugama yang melarang manusia daripada membuat jahat, khianat dan sebagainya. Saya bukanlah pakar di dalam ugama seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, tetapi ini adalah pandangan saya. Cuba kita pergi merantau sekejap ke negeri Kominis. Saya sudah pergi ke negeri Kominis China pada tahun 1973, tak ada seorang manusia yang berani menghisap dadah. Apa sebab negeri Kominis boleh membasmi salahguna dadah. Entah apa undang-undang yang dipakai, saya tak tahu. Kominis tak percaya dengan wujudnya Tuhan, tetapi mereka patuh dengan peraturan. Bagaimana mereka dapat menyekat hingga tidak ada rakyatnya menghisap dadah. Sedangkan kita mempunyai ugama, mempunyai berbagai undang-undang dan sebagainya seperti hari ini yang kita bincang, buat undang-undang kemudian dipinda Bil ini kerana kejahatan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kejahatan dadah ini siapakah yang membawanya ke dalam negeri kita? Yang membawa dadah ke dalam negeri ini ialah orang-orang yang berduit, kalau orang miskin hendak membawa dadah barangkali satu tahil pun tak boleh di bawa masuk ke dalam negeri kita, sebab beberapa paun sahaja harganya berjuta ringgit. Takkan orang miskin membawa dadah, mencari di mana adanya dadah. Di Amerika digunakan bot-bot laju dan kapal-kapal besar untuk membawa dadah ke dalam negeri itu, dengan disuap pegawai-pegawai itu. Tidaklah saya mengatakan bahawa pegawai-pegawai di tanahair kita juga terlibat, tetapi pegawai-pegawai di luar negeri disuap dan sebagainya, polis bertembung dan diperiksanya dadah berharga \$1 juta. Polis itu memikirkan sungguhpun ada pegawainya seorang dan

kalau dia bekerja selama seratus tahun pun, dia takkan boleh dapat duit sebanyak setengah juta ringgit. Ini peluang baik, kerana setengah juta ringgit harganya; kalau dirampas, penjahat itu ditangkap dan sebagainya, peluang terlepas. Tawarannya, ialah setengah juta ringgit, ataupun \$750 ribu, lepaskan barang ini. Jadi pegawai ini mesti memikirkan, kalau dia bekerja sehingga 100 tahun akan datang, tidak akan dapat peluang ini. Akhirnya diberi kepada pegawai-pegawai yang lebih rendah sekian banyak, masuk poketnya sendiri sekian banyak, dia duduk senang lenang.

Perkara ini mesti difikirkan juga, sebab penjahat itu orang berduit, orang yang memasukkan dadah ini boleh buat apa sahaja. Saya ingat undang-undang yang kita buat ini memang bagus dan dengan sebab itu saya menyokong. Tetapi kebanyakan penyeludup kecil ini dapat ditangkap, ejen-ejen kecil yang banyak nanti kena gantung, tetapi pengedar yang besar akan terus berjalan.

Pengedar-pengedar ini terbahagi kepada dua jenis:

Pertama, pengedar besar (kapitalis);

Kedua, orang yang masuk sindiket itu dan menjadi pengedar nombor dua.

Ketiganya pula penghisap dadah.

Jadi ada tiga macam golongan yang merbahaya. Dua golongan pengedar besar dan kecil dan satu lagi penghisap dadah.

Golongan penghisap ini, seperti yang pernah dikatakan oleh Undang-undang yang dahulu dan saya setuju dengan beliau bahawa penghisap dadah ini ialah orang-orang yang kebanyakannya hendak melarikan kesusahan fikiran, umpamanya pemuda-pemuda sekarang yang hendak berseronok, mula-mula hendak berseronok, hisap sedikit. Seronok.

Saya bukan penghisap dadah. Saya tak tahu. Orang mengatakan seronok betul menghisap dadah, sekali dapat, dua kali hingga 10 kali hendak. Jadi satu penyakit kepada orang-orang ini, bukan sahaja di negeri kita bahkan telah menjadi international disease yang dibawa oleh manusia sendiri. Jadi bila seronok, pemikiran manusia itu akan khayal. Itulah sebabnya kalau dihukum pula orang yang begini, seperti kata Menteri Undang-undang, kita hukum orang yang sudah khayal yang tak tahu apa, dia tak kira apa yang dibuat, macam orang sudah jadi gila, hendak dihukum penjara dan sebagainya. Saya fikir tak patut juga. Adalah wajar yang Kerajaan

pada hari ini meletakkan mereka di satu tempat pemulihan dan diberi ubat. Setelah baik dibawa ke dalam masyarakat semula. Dengan sebab itu, saya ingin mencadangkan bahawa kalau orang-orang ini masuk jel sama, saya tak bersetuju, tetapi orang-orang yang menjadi pengedar besar itulah yang mesti dicari. Sekarang ada International Police (Interpol) yang boleh mencari orang-orang itu, siapa yang mengedarkan dadah secara besar-besaran dan tentulah polis dalam negeri kita ini boleh juga mencari siapa yang mengedar dadah di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan dadah kalau tidak ada pengedar dadah, tentu tak ada dadah masuk di negara ini. Ada juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad, bahawa pokok ganja ini ada ditanam di Johor dan lain-lain tempat. Itu adalah satu daripada dadah yang belum lagi diproses yang didapati oleh polis kita, dibakar dan sebagainya. Tetapi yang banyak masuk ke dalam negeri ini adalah dadah yang datang daripada luar negeri. Saya harap kalau Kerajaan hendak menghapuskan pengedar dadah itu betul-betul, bukan sahaja mengenakan undang-undang membunuh, menggantung, hukum jel dan sebagainya, tempat-tempat pintu masuk dadah itu mestilah dikawal dan dijaga dengan rapi sekali. Pegawai-pegawai di sempadan negara kita samada Polis, Kastam dan sebagainya mestilah discreen orang itu betul-betul orang baik, orang yang jujur, orang-orang ini mesti dikursuskan. Orang ini betul-betul dia tidak ingatkan kemewahan kewangan, betul-betul bekerja untuk negara kita. Mereka mesti discreen, dan kalau boleh diberi gaji yang lebih tinggi sebagai special squad yang diberi gaji lebih baik lagi, supaya tidak boleh dipengaruhi oleh pengedar dadah itu. Itulah caranya kalau hendak menghapuskan pengedar dadah, kerana puncanya adalah dadah yang dibawa masuk ke dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya sudah ditahan kemasukannya sebagaimana yang saya cadangkan tadi dengan menggantikan pegawai-pegawai yang berkhidmat di kawasan-kawasan border baik daripada Singapura di selatan Johor itu ditengok betul-betul siapa dia, tidak kira samada dari Jabatan Kastam atau Jabatan Imigresen tetapi siapa yang menjaga. Di sanalah yang hendak discreen betul-betul. Begitu juga di Pulau Pinang, di border kita di Padang Besar, di Kota Bahru, tiap-tiap pelabuhan dan tiap-tiap lapangan terbang, di sini mustahak.

Sebab itu kita juga mesti kaji apa sebab-sebabnya. Kita hendaklah menghantar pakar-pakar kita, orang-orang kita pergi menyiasat apa sebabnya di negeri komunis tiada orang-orang menghisap dadah. Saya harap Yang Berhormat Menteri tentu ada jawapannya atau sudah siap jawabannya, apa sebabnya di negeri komunis tiada orang-orang menghisap dadah. Ini tentu ada siap jawabannya. Kalau tidak ada jawabannya susah sebab resistance, tidak hendak hisap dadah ini memang payah bagi kebanyakan pemuda-pemuda kita. Oleh itu kita mahu tahu bagaimana Kerajaan-kerajaan komunis di seluruh dunia baik di Russia, Red China, Bulgaria, Romania, East Germany, Cuba tidak didapati penyalahgunaan dadah ini. Ini kita mesti belajar.

Apa yang dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi iaitu invasion of communism ini bukan sahaja satu macam, masuk ke dalam negeri yang bebas, mereka bukan sahaja pakai senjata yang tajam ataupun senjata untuk menembak, membunuh, berperang untuk mengambil territory orang, mereka juga bersiap dengan senjata-senjata yang lain iaitu dadah terutama sekali yang kita nampak hari ini yang heboh sekali orang Melayu yang banyak sekali menghisap dadah. Kalau Yang Berhormat boleh menjawab tentu tahu berapa peratus Melayu, berapa peratus India dan berapa peratus daripada saudara kita orang China, sudah tentu peratus orang Melayu cukup banyak. Apa sebabnya peratus orang Melayu begitu banyak?

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan penjajahan komunis bukan sahaja dengan cara senjата, bom haidrojen, tetapi untuk memusnahkan fikiran manusia, supaya manusia terutamanya orang-orang Islam kayal, jangan dikenangkan ujudnya Tuhan lagi sebab komunis tidak percaya ujudnya Tuhan. Orang yang menghisap dadah apa dia peduli Tuhan, dadah itulah Tuhan dia. Jangankan hendak mengerjakan sembahyang, menengok masjid pun tidak mahu. Beginilah keadaan orang yang menghisap dadah. Kalau sudah begitu, dia tidak peduli apa yang akan jadi kepada negara dia, jahanam pun negeri dia, atau siapa yang memerintah pun dia tidak ambil peduli. Oleh itu apabila seluruh rakyat ataupun kebanyakan rakyat terutama Bumiputra jahanam begini, pemikiran mereka sudah jahanam, di sinilah masuknya fahaman komunis dan kalau seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat

Menteri dalam tentera, dalam polis dan sebagainya sudah masuk dadah, senjата pun tidak mustahak lagi. Ini proses yang lama sekali, bukan hari ini atau esok, macam peperangan selepas tiga tahun habis, negeri itu kalah. Tidak begitu! Ini proses yang lama, memakan masa. Tidak apa komunis boleh nanti. Kalau kita tengok The Long March apabila Mao lalu daripada Central China turun ke gunung-ganang ke utara menyeberangi sungai yang besar-besar dengan semangat yang begitu kuat, Mao Tze Tung sendiri mendo-kong isteri yang sakit di belakangnya, tetapi dengan semangatnya, dia boleh tahan, dia boleh nanti, The Long March, masanya sudah hampir sepuluh tahun baharu balik, dapat Peking, Nanking, Canton habis ditawannya. Masa tidak menjadi soal penting kepadanya.

Sebagaimana kita tengok pada hari ini, jangan fikir kita sudah 12 tahun bersusah menghapuskan komunis. Komunis tetap ada sungguhpun kita sudah berjuang selama 12 tahun. Komunis yang di Raub, Sg. Ruan kita kata sudah habis. Sebenarnya masih ada dalam pergerakan underground. Bagi dia tidak mengapa dia boleh nanti.

Tuan Yang di-Pertua, ini perjuangan yang panjang sebab ini perjuangan ideologi. Perjuangan ideologi yang payah sekali. Kalau peperangan biasa, apabila tembak menembak sudah habis. Tetapi peperangan ideologi tidak begitu, kita terpaksa menyerang penyakit dadah ini dengan ideologi juga. Sudahkah kita bersiap untuk peperangan ideologi dengan fahaman komunis ini iaitu kalau kita orang Melayu beragama Islam dan percaya ujudnya Tuhan, sembahyang lima waktu, berpuasa dan sebagainya tetapi bagaimana pula orang kita bangsa China yang beragama Budha, orang India yang beragama Hindu. Bagi mereka juga percaya memang ada ujudnya Tuhan tetapi bagaimana kita hendak menyatupadukan ideologi ini untuk menyerang ujudnya ideologi komunis ini. Seperti apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi puncanya ialah daripada komunis yang mengambil kesempatan menggunakan ini kerana duit. Tetapi yang sebenarnya adalah datangnya daripada fahaman atau ideologi komunis untuk menyerang negeri-negeri yang bebas. Peperangan ini adalah satu perjuangan yang lama dan kita terpaksa bersiap sedia untuk ini dan saya harap Kementerian-kementerian

yang bertanggungjawab bukan sahaja Kementerian Undang-undang, kita tidak serahkan bulat-bulat kepada polis, Kastam dan Kementerian Undang-undang tetapi Kementerian-kementerian yang lain juga bertanggungjawab untuk menengok iaitu ideologi ini, fahaman ini, dadah ini tidak masuk oleh kerana satu daripada kemasukan kominis ini iaitu dadah jangan dapat bermaharajalela di negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang lagi di atas perkara ini. Saya cuma minta satu sahaja iaitu Kerajaan kita terpaksa bersiap sedia untuk berperang bukan dengan senjata, kita ada pakai senjata di hutan, tetapi perang ideologi mempertahankan kemasukan dadah kerana seperti kita katakan tadi kominis yang membawa perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

4.10 *petang.*

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana Rang Undang-undang ini dibuat oleh Kerajaan meluaskan bidangkuasa Mahkamah Sesyen. Tuan Yang di-Pertua, makin kita meminda atau membuat undang-undang dan peraturan maka dadah ini makin merebak lagi di negara kita ini. Cubalah kita mencari satu ikhtiar supaya jangan dadah ini menjadi bermaharajalela di negara kita ini. Apa yang paling mendukacitakan saya, bagaimana kata sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak tadi, dadah ini di Pulau Pinang masih banyak sehingga pegawai kastam dan isterinya telah ditangkap.

Begitu juga Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat satu pindaan berkenaan dengan tidak adanya pemeriksaan cukai ke atas barang-barang dikenakan lagi di Pulau Pinang. Ini bagus, kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi kesenangan kepada rakyat di Pulau Pinang dengan tidak payah diperiksa. Tetapi, sebaliknya kita mestilah ingat dadah ini datang dari mana, kata Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain ialah dari

negeri Siam. Dadah ini boleh juga datang dari Kuala Perlis turun ke Kedah dan dari Kuala Kedah turun ke Pulau Pinang di mana sahaja seperti di tepi laut, mereka boleh letakkan dadah itu, lepas itu terus dibawa ke Pulau Pinang. Kereta siapa sahaja boleh ditaruh, lori siapa sahaja boleh ditaruh kerana tidak ada pemeriksaan, sehingga tempat itu sekarang senyap sunyi kerana pegawai-pegawai kastam itu telah dihantar ke laut tidak ada seorang pun yang tinggal di situ. Sungguhpun, Kerajaan akan menyenangkan rakyat di Pulau Pinang tetapi hendaklah diperiksa juga, kerana kalau tidak diadakan pemeriksaan barang-barang cukai tetapi barang-barang lain yang dikenakan cukai senang sahaja orang membawanya ke sana dan ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah menangkap banyak orang-orang yang menjual dadah, pengedar dadah dan penghisap dadah tetapi tidak ada seorang pun kita telah tunjukkan contoh kepada rakyat sebagaimana kata seorang Menteri dahulu yang telah menjalankan tugasnya, cubalah kita buat apa yang kita telah katakan dalam Majlis ini, kita bunuhkah atau tembakkah tetapi tidak ada kedengaran hukuman seperti itu, hanya kita simpan mereka di Pulau Jerejak, beri makan dan beri kesenangan, anak isteri mereka boleh berjumpa, perkara seperti ini tidak ada siapa pun yang takut. Yang mendukacitakan saya ada orang-orang berkata di Pulau Pinang orang Melayu sahaja yang banyak, anak Melayu sahaja yang banyak menghisap dadah. Mengapakah mereka itu ditangkap dan dipukul? Dalam hal ini siapakah yang bersalah, Tuan Yang di-Pertua? Ini adalah Kerajaan yang bersalah. Kalau mereka minta kerja, kalau tidak dapat sokongan dari pembesar-pembesar, dari Perdana Menteri atau dari Menteri-menteri ataupun dari Yang Berhormat-Yang Berhormat susah mereka itu hendak mendapat pekerjaan. Saya tidak sekali-kali di dalam Dewan yang mulia ini hendak menunjuk-menunjuk iaitu saya ini seorang perempuan saya telah memberi lapuran atas perkara ini walaupun sahabat saya atau anak pinak saya, saya telah panggil polis dan suruh menangkapnya. Tetapi setengah-setengah orang, iaitu anak pembesar-pembesar sengaja disembunyikan yang anak mereka pengedar dadah tidak diberi

tahu kepada pihak polis. Bercakap sahaja, aku tahu ini dan aku tahu itu tetapi mengapakah mereka tidak mahu tunjukkan siapakah membawa dadah itu? Kalau mereka mahu berbuat demikian, ini baharulah boleh dikatakan kita membela negara dan rakyat yang telah dianianya. Setengah-setengah anak kita itu, bukanlah mereka ingin sangat atau suka sangat menghisap dadah. Saya telah sebutkan tadi setengah daripada mereka itu ibubapa mereka susah dan makan susah maka fikiran mereka terganggu. Banyak anak-anak kita di Pulau Pinang yang susah dan di Pulau Pinang tidak ada banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat dan tidak banyak Menteri-menteri. Sebab itulah dadah bermaharajalela di Pulau Pinang.

Saya berharap, orang-orang yang kita telah tangkap lama dan tidak dibicarakan haraplah apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dengan segeranya Kerajaan membicarakan orang-orang itu supaya dapat dihukum sebagaimana yang kita tengok dahulu di zaman Jepun memerintah kita tiga tahun lapan bulan. Bagaimanakah negeri ini aman damai, tidak ada seorang pun yang berani mencuri dan tidak ada seorang pun berani membuat kesalahan sebagaimana Kerajaan Barisan Nasional memerintah pada hari ini. kerana apa, kalau mereka bercakap hendak potong kepala mereka, mereka potong di hadapan khalayak ramai, tetapi sekarang ini kita cakap sahaja kita hendak gantung dan hendak rotan tetapi tidak dilakukan. Saya seorang Ahli Pelawat Penjara dan berapa banyak yang saya tahu orang yang kena hukum bunuh atau kena hukum rotan ada di dalam penjara di Pulau Pinang sekarang, sehingga ini pun Kerajaan belum mengambil tindakan. Berapa lamakah Kerajaan hendak mengambil tindakan orang yang begini? Saya tidak hendak menuduh pihak polis atau pihak penjara. Kita tahu, bagaimana kata sahabat-sahabat saya tadi, kerana wanglah orang menjadi susah, kerana wanglah orang menjadi senang dan kerana wanglah orang dipandang tinggi di khalayak ramai. Kalau hari ini kita bercakap tetapi tidak buat tidak guna, buat pindaan kepada undang-undang ini, setahun sekali kita buat pindaan, tiap-tiap dua tahun sekali buat pindaan atau 6 bulan sekali kita pinda undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya menyokong Rang Undang-undang ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat

Menteri Undang-undang supaya kita dapat meluluskan tetapi setelah diluluskan akan dijalankan apa-apa yang telah diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

4.20 petang.

Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani: Syukur Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 4) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di Dewan yang mulai ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah pada hari ini memang sudah tidak dapat kita nafikan yang ianya adalah merupakan satu ancaman yang besar dan merbahaya sama bahaya ataupun lebih bahaya dari ancaman komunis. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja menjadi masalah dalam negara kita, malah sudah merupakan satu masalah antarabangsa yang terpaksa dipikul oleh negara-negara dalam dunia yang mempercayai adanya Tuhan yang Maha Esa terutama sekali negara-negara Islam. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah mengalu-alu dan menyanjung tinggi usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan bagi mengatasi masalah ini samada melalui kegiatan-kegiatan badan-badan sukarelawan, ajensi-ajensi Kerajaan ataupun Kerajaan sendiri seperti PEMADAM dan lain-lain. Tetapi sayang dan malangnya segala usaha-usaha itu seolah-olah tidak berkesan dengan sepenuhnya, kerana apa yang kita nampak, Tuan Yang di-Pertua, sekarang penagih-penagih dadah semakin menjadi-jadi, penglibatan pemuda dan pemudi Islam juga meningkat. Sebahagiannya yang telah dipulihkan setengah-setengahnya telah kembali menjadi penagih sehingga negara terpaksa menggubal satu undang-undang pindaan yang lebih ketat yang akan diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu di Dewan yang mulia ini inginlah saya mempersoalkan kepada pihak yang berkaitan supaya Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 4) ini akan betul-betul dapat dilaksanakan dengan jaya dan tidak ianya akan merupakan satu lagi tambahan kepada usaha-usaha yang tidak berkesan itu. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya ada dua perkara lagi yang perlu dilaksanakan dalam menghadapi ancaman dadah ini iaitu pertama

mencari dan menghapuskan pembekal-pembekal dan pengedar-pengedar baik dari dalam mahupun dari luar negeri dengan sedapat mungkin, jika boleh dengan kerjasama dari semua negara-negara yang terlibat dan sehingga ke Bangsa-bangsa Bersatu jika difikirkan perlu. Dan kedua memperlindungi belia-belia yang belum terlibat di samping menyasat punca utama yang menyebabkan belia-belia boleh terpengaruh dan terus terlibat dalam dadah, dikaji sehalus-halusnya samada akibat pergaulan bebas kerana kebanyakan penuntut-penuntut pula pandai berbohong kepada ibu dan ayahnya mengatakan dia pergi kelas malam, sekali disiasat pergi tengok wayang, pergi kelab malam. Ini adalah sangat merbahaya kerana dadah ini macam-macam, ada dengan pil dan kalau dibubuh dalam air minum pun dia sudah lama-lama jadi ketagih. Jadi ini sangat merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan tadi bahawa pemuda dan pemudi Islam telah tidak kurang terlibat dalam bahaya dadah ini maka untuk menjaga dan memelihara jenerasi para muda dan mudi Islam yang akan datang, saya ingin mengesyorkan supaya setiap sekolah dapat tambahan satu mata pelajaran Ugama Islam untuk pelajar-pelajar Islam di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

4.28 ptg.

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bertambah-tambahnya bilangan kes-kes penangkapan penyeludup dadah dan pengedar-pengedar dan penagih-penagih baru-baru ini, maka kita tidak dapat menafikan bahawa keadaan masalah penyalahgunaan dadah di negara kita telah bertambah buruk dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah adalah merupakan satu penyakit masyarakat yang perlu dibanteras secara berkesan supaya tidak menimbulkan satu problem atau masalah kepada masyarakat dan negara kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut berita dalam akhbar pada hari ini pihak Polis Persekutuan telah menghancurkan satu sindikit seludup dadah di kawasan Kuala Lumpur pada minggu yang lepas dan berjaya merampas 228 paun candu mentah, 6 paun candu masak dan 61 paun morphine dan di samping itu 8 orang telah diberkas untuk disiasat. Begitu juga di Pulau Pinang pada bulan lepas pihak Polis telah dapat mematahkan satu sindikit penyeludupan dadah antara-bangsa serta merampas 50 paun dadah jenis heroin. Ini adalah satu kejayaan yang patut kita mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Pasukan Polis kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kejadian ini maka kita dapat dua kesimpulan iaitu pertama hukuman-hukuman yang diperuntukkan dalam Akta Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 ini tidak begitu mendatangkan kesan untuk menentang dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah berbahaya. Yang kedua, bilangan penagih-penagih dadah dalam negara kita telah bertambah ramai dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, mengikut teori perniagaan iaitu jika ada permintaan; permintaan itu maknanya penagih, maka adalah pembekalan; iaitu pengedar. Di sini saya suka mengesyorkan langkah-langkah seperti berikut untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan kita bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di kalangan rakyat di negara kita :

- (1) Hukuman bunuh hendaklah dikenakan terhadap pengedar-pengedar dadah yang didapati memiliki lebih daripada satu kadar berat misalnya $\frac{1}{2}$ paun dadah berbahaya mahupun dalam bentuk candu mentah, candu masak atau morphine, begitu juga ganja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita cuma kenakan hukuman bunuh terhadap pengedar-pengedar yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan heroin sahaja.

- (2) Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang lebih tegas terhadap penagih-penagih dadah. Sesiapa yang didapati menagih dadah maka pihak polis hendaklah menangkap mereka dan menghantar mereka itu ke Pusat Pemulihan untuk dirawat sehingga mereka itu pulih semula.

(3) Kerajaan hendaklah menganggap atau mensifatkan penagih-penagih dadah ini adalah satu perbuatan jenayah dan bukanlah seorang sakit seperti mana yang dicadangkan oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak baru sebentar tadi kerana bila seseorang itu menjadi penagih dadah berterusan, maka sudah pasti orang itu akan menjadi hampas masyarakat dan akan mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat untuk melakukan segala kegiatan-kegiatan jenayah bagi mencari wang untuk memuaskan ketagih dadah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa dahulu di negeri China telah dibanjiri oleh penagih-penagih dadah. Beratus ribu rakyat di negara itu telah menjadi mangsa dadah, sehinggakan rakyat negeri China pada masa itu digelar dan dipanggil "Penyakit Asia Timur". Oleh kerana keadaan masalah penyalahgunaan dadah telah menjadi begitu buruk dan bahaya di negeri yang tersebut, maka Kerajaan yang memerintah pada masa itu terpaksa mengadakan satu undang-undang untuk menghukum bunuh terhadap mahupun pengedar atau penagih dadah. Dengan cara itulah akhirnya Kerajaan yang tersebut dapat dengan secara langsung menghapuskan masalah penyalahgunaan dadah di negara tersebut. Tuan Yang di-Pertua, peristiwa ini patut dijadikan satu tauladan kepada kita.

Jadi, saya suka di sini mengesyorkan kepada Kerajaan iaitu sesiapa yang dihinggapinya semula ketagihan dadah setelah mereka itu dihantar kepada Pusat Pemulihan Dadah, maka mereka itu hendaklah dihukum penjara tanpa memberi rawatan lagi. Dengan cara siksaan ini kita harap mereka itu akan menyedari keburukan dan kesiksaan penagihan dadah dan mewujudkan satu keazaman untuk menjauhi diri daripada dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu mengikut huraian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, satu daripada pindaan yang akan dikuatkuasakan ialah peraturan perbicaraan di Mahkamah Tinggi mengenai kesalahan yang dihukum dengan hukuman mati akan dibicarakan oleh hakim tanpa dibantu oleh juri yang mana diamalkan pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, alasan pindaan ini adalah kerana didapati ahli-ahli juri yang berkenaan sentiasa terdedah kepada ancaman dan tekanan-tekanan oleh kumpulan-kumpulan yang berkenaan. Dan menjadi satu kelemahan kepada pengendalian undang-undang dan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa kejadian ini telah dan benar berlaku dan kita semua bersetuju ada lebih baik kes-kes yang berkaitan dengan hukuman mati ini dibicarakan dengan seorang hakim sahaja untuk memastikan yang pesalah itu dapat dihukum dengan hukuman yang sepatutnya. Tetapi kita jangan lupa, Tuan Hakim Mahkamah Tinggi adalah juga manusia yang biasa seperti kita. Mereka itu juga berada di dalam keadaan yang mana boleh diancam dan diugut oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jadi Kerajaan kita seharusnya memberi perlindungan kepada hakim-hakim yang terlibat di dalam perbicaraan ini supaya mereka itu dapat menjalankan tugas mereka tanpa gangguan dan ugutan yang mungkin timbul. Dengan cara ini, barulah kita dapat mencapai matlamat pindaan Rang Undang-undang yang akan kita luluskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah serba sedikit pandangan saya dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

4.32 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini dan memberi kepujian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengulangi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.32 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.53 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita masih ada 10 Rang Undang-undang yang akan

dibincangkan sehingga hari Jumaat, 20hb Januari iaitu tinggal 3 hari sahaja, tidak termasuk hari ini. Jika kita hendak mengelakkan waktu persidangan hingga ke larut malam, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya berucap seberapa ringkas yang menasabah dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang berkenaan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain boleh mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan ini.

Saya tidak berniat untuk menghalang Ahli-ahli daripada bercakap, sebaliknya saya lebih senang dan gembira mendengar teguran-teguran dan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan ini. Dengan sebab itu, saya meminta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat daripada mengulangi dan membuat ucapan-ucapan yang telah dibuat supaya kita boleh luluskan Rang Undang-undang itu dalam tempoh yang tersebut.

4.56 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengulang balik bahawa saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan, kerana rasanya amat bersesuaian dan kena pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengulang apa-apa yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah lalu berkenaan bahaya dadah, bukan kepada negeri-negeri di seluruh dunia, di Eropah, di Asia ataupun di negeri kita di Malaysia ini, tetapi yang saya rasa kita harus menganalisa berkenaan perkara ini apakah tindak-balas kita supaya kita mengurangkan atau seboleh-bolehnya menghapuskan dadah dalam negeri kita ini. Ini rasa saya yang penting, soal pokok yang harus kita cari, gali dan timba sehingga kita dapat menjumpai apakah perkara yang penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, mengikut saikoloji siapa juga manusia dalam dunia ini apa perkara-perkara yang dilarang, yang dikuatkan oleh undang-undang itulah yang disukai oleh manusia. Saya rasa manusia yang tidak bersalah dalam dunia ini, jangan banyak nasihat, nasihat banyak, tidak ada faedahnya.

Pada pendapat saya, tindak-balas yang kita memikirkan sesuatu yang harus kita timba bagi menghapuskan dadah dalam negara kita ini. Saya mengesyorkan bahawa telah sampai masanya Menteri kita membuat dadah, tetapi kita adakan seorang pakar saintifik kita yang bersendirian buat dadah yang lebih lazat daripada dadah yang ada pada hari ini. Tetapi mengikut sains kita dimasukkan dalam dadah itu, siapa yang makan dadah itu tidak lebih daripada seminggu dia mesti gol (*Ketawa*). Perkara yang macam ini timbal-baliknya seluruh manusia apabila dia tengok kawan ini makan dan mati, dia tidak hendak buat. Biarlah kita matikan 100 orang atau 1,000 orang daripada sejuta orang jadi binasa dalam negeri kita. Pada pendapat saya haruslah difikirkan oleh Menteri yang berkenaan memanggil pakar saintis di negeri kita ini membuat dadah yang lebih lazat, tetapi kita beri peminatnya hidup seminggu sahaja lepas itu kita beri selamat jalan, jangan makan dadah lagi. Jadi semua orang-orang akan berfikir dua kali untuk menghisap dadah ini.

4.58 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu Undang-undang yang sungguh-sungguh saya menyokongnya dengan sebab saya nampak Undang-undang ini adalah sangat sesuai pada masa sekarang dan juga adalah sesuai dengan semangat keislaman.

Dadah ini kalau di dalam takrif keislaman ia adalah termasuk di dalam tegahan Allah, kerana ia adalah satu perkara yang merbahaya, yang memabukkan. Sebagaimana yang kita tahu di dalam Islam, hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan ada dua jenis: satu adalah hukuman secara ukubah, iaitu seumpama hukuman bunuh, hukuman potong kaki/tangan dan hukuman sebat. Satu lagi secara takzir iaitu seumpama buang daerah ataupun secara penjara. Jadi, hukuman yang berat, seumpama orang-orang yang melakukan pembunuhan mereka itu adalah dihukum bunuh ataupun orang-orang yang melakukan kesalahan yang boleh menjejaskan keselamatan umum, seumpama mencuri, maka mereka itu dihukum potong tangan. Sebaliknya, pada perkara-perkara yang tidak mendatangkan begitu serius maka

dibenarkan kepada hakim-hakim itu bolehlah menjalankan takzir iaitu dengan jalan mengenakan hukuman penjara, buang daerah atau buang negeri. Jadi, kalau kita kembali kepada dadah, kita dapati adalah satu perkara yang sangat merbahaya sekali kepada kehidupan manusia, maka itulah sebabnya di dalam agama Islam perkara-perkara seperti dadah, arak dan sebagainya maka tidak boleh dihukumkan dengan takzir iaitu dengan jalan penjara sahaja ataupun dengan jalan dibuang negeri atau sebagainya, tetapi hendaklah dihukum supaya berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang menagih dadah ataupun menghisap dadah mereka itu adalah orang yang berpenyakitan iaitu adalah pesakit-pesakit. Pesakit-pesakit seumpama ini bolehkah mereka itu diubati dengan cara dipenjarakan dengan harapan mudah-mudahan apakala mereka itu keluar daripada penjara kelak, mereka itu boleh insaf di atas perbuatannya dan mereka itu bertaubat. Pada pendapat saya tentulah tidak. Orang-orang yang menagih dadah mereka itu yang berpenyakitan. Walau macam mana sekalipun ubatnya iaitu dengan menggunakan kekerasan, di samping itu diubati mereka, dengan hanya dimasukkan mereka di dalam penjara semata-mata, dengan satu tempoh, umpamanya setahun atau dua tahun dengan tidak diadakan rawatan, kemudian apakala mereka itu sampai kepada masanya dilepaskan semula, maka ini kepada saya tidak mendatangkan apa-apa kesan yang baik. Bahkan banyak daripada penagih-penagih dadah itu akan kembali semula kepada amalannya yang sedia iaitu menghisap dadah atau ketagih dadah semula. Maka apa yang dibuat oleh Kerajaan pada masa sekarang dengan adanya usaha-usaha menempatkan mereka itu ke satu tempat dan mengubati mereka, ini adalah satu perkara yang baik.

Berkenaan orang-orang yang menjalankan perniagaan dadah, orang yang mengedar dadah, maka ini adalah penjenayah-penjenayah yang tidak boleh diampun sama sekali. Mereka itu sepatutnya menerima hukuman yang berat, bukan pada masa sekarang tetapi daripada masa dahulu lagi sebagaimana yang dikatakan tadi oleh setengah daripada saudara-saudara saya Ahli-ahli Senator di sini, ada di dalam dunia ini negeri-negeri yang menghukum bunuh kepada orang-orang yang menghisap dadah

umpamanya di negeri China. Maka perkara yang seumpama ini kalau kita melaksanakan di dalam Malaysia maka perkara ini tidak dipandangkan yang Malaysia ini telah menjalankan perkara yang kejam terhadap rakyatnya. Dengan sebab itu, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan kerana dengan harapan mudah-mudahan dengan terlulusnya undang-undang ini kalau kita tidak dapat menghapuskan sama sekali pun, tetapi saya percaya kesannya akan timbul dan dapat dirasai oleh rakyat di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah pandangan saya dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

5.15 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 4) dan saya cuma hendak bercakap atas satu dua perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun setelah kita mencapai kemerdekaan selama lebih-kurang 20 tahun yang lepas dan sungguhpun kita amat bernasib baik oleh kerana kita dapat pimpinan yang begitu berjuang dari segala peringkat, bermula dari Perdana Menteri pertama, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-Haj, kemudian Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, berjuang dengan dedikasi dan jujur dan pada masa sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, begitu juga, saya ingin tahu bagaimanakah kesilapan telah berlaku, terus berlaku iaitu jenerasi kita telah campur tangan dalam perkara dadah merbahaya ini. Tiap-tiap kali kita mengadakan mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara memang kita mengadakan satu Rang Undang-undang di mana kita boleh mengawal perkara yang amat penting ini. Sungguhpun kita telah mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih di dalam negara kita jikalau kita bandingkan dengan negara-negara lain di seluruh dunia, daripada segala peringkat, daripada segi pekerjaan, makanan dan apa-apa juga peluang, kita boleh katakan Malaysia adalah second to none. Tetapi perkara ini tidak berlaku di beberapa buah negara. Kita juga telah menubuhkan berbagai-bagai badan untuk mengawal perkara dadah merbahaya tetapi keadaan ini terus bertambah buruk dari masa ke semasa.

Saya tidak tahu dan kurang faham adakah "too loose capitalist system" boleh sesuai kepada negara kita. Saya berharap kepada Kerajaan supaya mencari jalan di manakah kesilapan telah berlaku oleh sebab tatatertib terutama sekali di peringkat rendah, jenerasi muda ini telah begitu terlibat dan mereka terus campurtangan dalam perkara dadah merbahaya ini.

Nama negara kita pun telah tercemar di seluruh dunia. Malaysia telah menjadi negara tengah di dalam kawasan Asia Tenggara yang menggunakan dadah merbahaya. Warganegara-warganegara Malaysia juga telah ditangkap di beberapa buah negara lain di dunia. Saya kurang faham seorang yang menghisap dadah ditangkap dan di tahan selama 6 bulan dengan tidak diberi apa-apa rawatan, cuma diberi bread and butter sahaja, kemudian keluar dan bila keluar dia terus mencari semula dadah merbahaya, dia mesti menghisap dadah, kalau dia tidak menghisap dadah dia tidak boleh membuat apa-apa kerja pun. Tidakkah boleh kita memberi rawatan untuk mengatasi penyakit ini, kepada seseorang apabila dia menghisap dadah dan ditahan selama 6 bulan atau setahun, di rehabilitation centre dan apabila dia balik dia terus lupa dengan apa yang telah dihisapnya dahulu, tetapi sekarang selepas 6 bulan dia mesti menghisap semula dadah merbahaya. Tidakkah ada diberi apa-apa rawatan atau cuma diberi tatatertib sahaja.

Saya juga suka mengingatkan (caution) kepada Kerajaan mengapa perubatan menghisap dadah ini telah sampai kepada berbagai-bagai Jabatan Kerajaan dan juga di sekolah-sekolah. Saya harap Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya.

5.10 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Dadah Merbahaya ini di samping mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini.

Dadah ini memanglah tidak dapat dinafikan akan bahaya-bahaya yang berlaku disebabkan ianya lebih daripada ancaman komunis, kerana kalau kita pandang pada masa yang akan datang, belia-belia di negara kita akan menjadi lumpuh sama sekali dengan penyakit dadah ini.

Memanglah Kerajaan mencari jalan dari semasa ke semasa untuk menghapuskan penyakit dadah ini. Pindaan ini diadakan ialah untuk mengatasi masalah yang berlaku terutama sekali pengedar-pengedar yang boleh dikatakan bukan sahaja dari golongan atasan bahkan golongan rendah juga bersama-sama mengambil bahagian di dalam pengedaran dadah ini. Tetapi kebanyakannya yang kena tangkap adalah dari golongan yang mengambil upah sahaja, bukan taukeh-taukeh yang sebenarnya jadi pengedar dadah. Banyak bukti-bukti yang kita dapat termasuk orang-orang dalam tahanan yang ada pada hari ini adalah kebanyakannya daripada golongan yang mengambil upah.

Kita tahu, pengedar dan penghisap dadah ini boleh dikatakan sama sahaja, kerana kalau tidak ada penghisap, tentulah tidak ada pengedarnya. Itulah sebabnya saya katakan sama maksudnya, penghisap-penghisap itu kadang-kadang mereka sendiri tahu siapakah pengedar-pengedar dadah itu, samada dari peringkat bawah ataupun peringkat atas, tetapi manakala mereka terkena penyakit dadah, mereka telah menjadi bingung dan tidak tahu apa lagi, yang mereka tahu hanya berkehendakkan dadah. Dengan sebab itu mereka berdiam diri sahaja. Pihak Kerajaan kita pada hari ini menempatkan penghisap dadah itu di pusat pemulihan supaya sembuh, tetapi kebanyakannya yang saya dapati di negeri Perlis, penghisap dadah itu tak boleh baik, berulang-ulang masuk ke pusat pemulihan, balik sebulan-dua, berpatah balik, tak boleh baik, susah hendak diubatnya.

Kita sungguh kasihan bukan sahaja kepada penagih dadah itu, tetapi kepada ibubapa dan keluarganya yang begitu susah payah manakala terkena kepada saudara dan anak-anak mereka.

Kita hairan, kadang-kadang sungguhpun dadah itu nyata menjadi bahaya seperti yang disiarkan dalam akhbar-akhbar, ini kita ucapkan terima kasih kepada akhbar dan begitu juga kepada Kerajaan yang mengambil tindakan, tetapi pihak masyarakat seperti

ibubapa dan kaum-kaum yang lain tidak begitu mengambil berat dalam soal ini. Sungguhpun perkara ini berat, tetapi mereka tidak mengambil berat langsung. Ini patutlah Kerajaan mencari jalan bagaimana hendak memberi kepercayaan kepada rakyat, kepada ibubapa, kaum guru dan sebagainya mengenai bahaya dadah ini.

Sekarang hanya segolongan kecil sahaja yang tahu betul-betul benda ini berbahaya, kadang-kadang golongan yang kita katakan begitu mereka baca dalam akhbar, hanya tahu begitu sahaja, dan tidak mengambil tahu selepas daripada itu. Untuk mengurangkan penagih dadah atau penghisap dadah ini, tentulah Kerajaan kena membanyakkan perbelanjaan untuk memberi penerangan kepada rakyat di seluruh negara, sungguhpun ada PEMADAM di tiap-tiap buah negeri, tetapi pertubuhan ini hanya ada pada nama sahaja dengan tidak berjalan begitu lancar dan penerangan-penerangan yang jelas tidak diadakan, sebabnya pegawai-pegawai PEMADAM itu terdiri kebanyakannya daripada golongan atasan. Di dalam soal ini patut diadakan pegawai khas bagi tiap-tiap buah negeri, dan seboleh-bolehnya biarlah kita beri gaji khas untuk mengelolakan atau memberi penerangan yang lebih jelas berkenaan dengan bahayanya salahguna dadah ini, kerana kita sayangkan kepada belia-beliawanis kita yang menghisap dadah itu. Sungguhpun kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengadakan beberapa tempat pemulihan seperti di Kuala Kubu, Johor Bharu ataupun di Kuala Lumpur tetapi tempat-tempat itu tidak mencukupi. Tempat-tempat itu hanya dapat diisikan sebanyak 400 orang sahaja lebih kurang, atau 1,200 bagi 3 pusat pemulihan. Pusat-pusat itu patutlah ditambah, kalau boleh diadakan di tiap-tiap buah negeri kerana sekarang penagih dadah itu telahpun merebak luas menjangkit belia-beliawanis kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi salahguna dadah ini tentulah semua golongan samada golongan atas atau golongan bawah sebagaimana yang saya katakan tadi mestilah memainkan peranan penting. Dan baharu-baharu ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah juga menyentuh berkenaan dengan salahguna dadah ini. Baginda bersempati sekali dengan masaalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak pertubuhan-pertubuhan lain, pertubuhan yang ada di dalam negara kita ini, patut juga mengambil bahagian. Sebagaimana yang kita tahu hanya satu pertubuhan sahaja yang ada mengambil bahagian iaitu UMNO. Ibu Pejabat UMNO Malaysia telah mengadakan satu badan khas berkenaan salahguna dadah ini, tetapi pertubuhan-pertubuhan yang lain tidak ada kita dengar atas tindakannya. Maka dengan kerana itu patutlah sangat pertubuhan-pertubuhan lain juga mengambil bahagian dan kita berterima kasih banyak kepada Ibu Pejabat UMNO kerana telah mengadakan pertubuhan khas mengenai salahguna dadah itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ialah berkenaan dengan pengedar yang besar yang saya katakan tadi susah betul bagi pihak Kerajaan untuk mengawasi atau menangkapnya. Caranya hanya berjaga-jaga dan kawalan yang ketat patut diadakan. Kita tahu perkara ini dimasukkan di sempadan-sempadan negara-negara jiran kita sebagaimana Thailand, maka di sempadan ini juga kawalan patut diketatkan kerana daripada sinilah banyak masuk berkenaan dengan dadah ini. Bagi negeri Perlis saya mengatakan, bagi pihak yang besar saya tidak tahu tetapi bagi pihak kecil tiap-tiap hari banyak pengedar-pengedar berlaku yang mengedarkan kepada penghisap-penghisap dadah ini. Pengedar-pengedar ini beruntung besar dengan sebab itu mereka tidak takut kepada hukuman-hukuman, mereka cuba menjalankan perniagaan ini kerana pada tiap-tiap satu bungkusan yang mereka beli itu, bungkusan yang sebesar bungkus rokok ini hanya mereka dapat beli \$1.50 tetapi mereka bungkus dengan kecil, mereka jual kepada penghisap-penghisap dadah dengan harga \$5 pada satu bungkusan yang kecil yang mana boleh membuat bungkusan-bungkusan itu sehingga 250 bungkusan yang dapat dijual dengan tidak sampai setengah jam habis. Ini kita sungguh hairan bagaimana belia-belia kita ini sangat gemar dengan menghisap dadah ini. Jadi kalau tidaklah Kerajaan mengawasi dengan lebih ketat dengan memberi penerangan-penerangan yang kuat dan begitu juga harapan kita kepada ibubapa-ibubapa di dalam soal ini tentulah tidak dapat diatasi.

Sebagaimana kelmarin yang saya baharu datang daripada Perlis saya dapat tahu dapat ditahan tiga orang pengedar-pengedar kecil. Yang menghisap ini kalau hendak ditahan

menarik mereka kepada tempat-tempat yang tidak disukai oleh masyarakat. Saya dapati penagih dadah yang dihantar ke pusat pemulihan apabila mereka itu balik kelak, mereka itu balik semula menghisap dadah, ini saya rasa sangat-sangat mendukacitakan kita kerana Kerajaan telah menghabiskan wang beribu-ribu ringgit untuk memulihkan mereka di satu-satu tempat, memberi tempat tidur, makan dan sebagainya, tetapi setelah balik ke kampung atau balik ke tempat masing-masing dia balik semula juga langkah lama. Ini saya rasa sangat-sangat mendukacitakan.

Saya rasa eloklah Kerajaan mencari satu jalan setelah mereka dapati menghisap dadah kita hantar dia ke tempat pemulihan jangan lagi hantar dia balik ke tempat dia sendiri apabila dia telah pulih kerana apabila dia balik ke kampungnya ataupun negerinya dia dapat menghubungi orang-orang dan ajen-ajennya, mereka tahu sahaja seperti buah durian ada bau, di mana dia hendak dapat, kepada siapa dia hendak minta dan macam mana caranya, tetapi kalau kita hantarkan dia ke negeri yang lain dan diberi pekerjaan kepadanya, saya rasa sukarlah sedikit dia hendak mendapat balik benda-benda yang dia ketagihkan itu. Ini satu pandangan saya pada Kerajaan.

5.47 ptg.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas teguran-teguran dan syur-syur yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Saya tidak dapat hendak menjawab semuanya, tetapi saya mengambil ingatan sekiranya mana-mana perkara yang saya tidak sebutkan dalam jawapan saya ini. Saya boleh bahagikan kepada dua perkara yang saya hendak jawab.

Satu, ialah berkenaan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat kita membezakan di antara negara-negara kominis dengan negara kita, iaitu mengatakan negara kominis tidak ada penagih dadah atau pusat dadah dengan sebab hukumannya ialah hukuman mati. Oleh sebab sistem negara kita sistem demokrasi maka tentulah kita tidak boleh mengikut contoh seperti negara kominis. Sungguhpun begitu kita telahpun mencari jalan bagi mengetatkan undang-undang kita dan memberatkan hukuman sehingga seperti Ahli-ahli Yang Berhormat

sedia maklum bahawa kalau dahulu kita ada hukuman mati maka sekarang orang-orang yang mengedar dadah didapati banyak mempunyai pada masa ditangkap itu mereka boleh dihukum mati ataupun penjara seumur hidup. Begitu juga mereka yang menanam pokok-pokok ganja juga dikenakan hukuman berat dan juga boleh disebat dengan rotan. Ini adalah satu cara mengikut sistem yang kita amal bahawa kita memperketatkan undang-undang kita dan memperkuat pengawasan ataupun kawalan dan juga memperhebatkan tentang aktiviti-aktiviti menahankan daripada pemuda-pemuda dan belia-belia mengambil bahagian dalam penyalahgunaan dadah ini. Dengan galakan Kerajaan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum PEMADAM telah ditubuhkan.

Di sini saya suka mengambil peluang bahawa kita ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat adalah pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat negeri, di peringkat daerah dan kita hendak menumpukan 100% kepada Kerajaan maka sudah tentu tidak boleh Kerajaan menjalankan segala-galanya. Kita berharap kepada pemimpin-pemimpin masyarakat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, guru-guru, ibu bapa seluruhnya supaya mengawal anak-anaknya dan sebagai Ahli Yang Berhormat sebentar tadi telah bercakap ibu bapa tidak kurang memahami, ini adalah tanggungjawab kita supaya memberikan mereka faham. Pada masa ini sebagai juga Ahli Yang Berhormat mengatakan PEMADAM ini ditubuhkan bukan sahaja di peringkat kebangsaan, negeri, bahkan di daerah-daerah, tiap-tiap Ahli Yang Berhormat hendaklah masuk jadi ahli-ahli dan mengambil bahagian cergas supaya kita dapat memaklumkan kepada ibu bapa, memberi pengajaran kepada ibu bapa khususnya dan anak-anaknya supaya menjauhkan diri daripada menyalahgunakan dadah yang merbahaya ini. Inilah satu perkara yang kita dapat menolong Kerajaan dan menolong negara kita bagi membasmikan perkara yang sangat dihinakan ini.

Jadi, dari peringkat Kerajaan memanglah telah mengambil daya usaha bersungguhsungguh dan telah menubuhkan sebagai Ahli Yang Berhormat telah mengatakan tadi beberapa pusat untuk memulihkan mereka yang telah menjadi penagih dan juga sebagai

kita maklum ada persatuan-persatuan suka-relawan juga mengambil bahagian dan di sini Kerajaan ada juga menolong dan bahkan pertubuhan Islam seperti PERKIM juga telah memberi banyak pertolongan kepada badan sukarela yang telah menubuhkan Pusat Pemulihan di Ipoh dan di Batu Gajah. Dan juga pertubuhan-pertubuhan daripada Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim mengatakan UMNO mengadakan bahagian khas seperti PEMADAM bahkan badan-badan lain pun ada, seperti kalau saya boleh sebut Persatuan Pengakap misalnya menggalakkan ahli-ahlinya supaya sentiasa menolong PEMADAM dan juga badan-badan lain yang mengambil bahagian untuk mencegah mereka yang menyalahgunakan dadah ini.

Satu lagi yang saya suka menyentuh ialah berkenaan kalaulah seorang itu dibawa ke mahkamah dituduh di bawah undang-undang ini, kalau sekiranya untuk mengelakkan daripada yang kena tuduh ini menyambungkan aktiviti penyalahgunaan dadah ini, Pendakwa Raya ataupun Timbalan Pendakwa Raya boleh memperakukan kepada mahkamah supaya mereka itu tidak diberi jamin. Mereka yang didapati membawa ataupun mempunyai dadah yang banyak, itu memang sudah tidak boleh dijamin dan mereka yang didapati sedikit dadah dipunyalainya pada masa ditangkap, mereka juga kalau sekiranya Timbalan Pendakwa Raya memikir bahawa yang kena tangkap ini ataupun yang kena tuduh ini adalah penagih dadah, Timbalan Pendakwa Raya boleh memperakukan ke mahkamah bahawa dia tidak bersetuju diberi jamin dan mahkamah akan mengenakan perintah tahanan dan dengan tahanan itu, maka orang yang kena tuduh itu tidak dapat lagilah menyambung aktiviti penyalahgunaan dadah itu. Dan juga mengikut undang-undang bahawa dengan tujuan untuk memulihkan seseorang itu kalau sebenarnya penagih dadah ini tidak ditangkap, mereka sendiri boleh dengan sukarela hati sanggup hendak pergi ke Pusat Pemulihan dan mereka juga akan diterima dan sekiranya mereka tidak sanggup dengan sukarela maka mereka boleh dihantar ke Pusat Pemulihan dengan pertolongan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Ini dibenarkan di bawah undang-undang supaya Pegawai Kebajikan Masyarakat ini membawa penagih-penagih dadah ini ke mahkamah dan minta surat daripada mahkamah ataupun perintah daripada mahkamah supaya mereka ini ditahan di Pusat Pemulihan dan dengan itu dapatlah mereka itu dipulihkan.

Ada Yang Berhormat mengatakan mereka yang telah masuk ke dalam Pusat Pemulihan apabila keluar mereka akan jadi penagih semula. Ini ialah sebabnya kita semua tahu bahawa pengedar-pengedar ini memanglah tahu mereka yang telah keluar, yang telah masuk ke Pusat Pemulihan apabila dia keluar, mereka akan buru semula dan ini adalah kewajipan pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga ibu bapa supaya apabila anaknya sudah dipulihkan, hendaklah betul-betul mengawal dan jikalau ibu bapa itu tidak kurang bertanggungjawab adalah kewajipan kita sebagai pemimpin masyarakat menasihatkan ibu bapa yang mana kita tahu supaya betul-betul mengawal anak-anak mereka. Kalau sekiranya ibu bapa tidak dapat hendak mengawal maka boleh pula berjumpa dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Kebajikan Masyarakat boleh menolong supaya mengawal mengikut undang-undang ataupun kuatkuasa yang diberi di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya ini. Segala-galanya telahpun disediakan oleh Kerajaan, hanya untuk hendak melaksanakannya. Jadi, kalau sekiranya kita memberitahu kepada pegawai, pegawai itu insya Allah akan tolong berikhtiar mengawalnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mencukupilah bagi penjelasan saya kepada satu dua perkara dan kalau ada mana-mana butir lagi atau perkara-perkara yang saya tidak sebut, insya Allah saya akan menyampaikan kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri Undang-undang supaya beliau dapat mengkaji semula dan dapat melaksanakan mana-mana perkara yang dapat dilaksanakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (NO. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca pada kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat adalah maklum bahawa beberapa perubahan kepada Akta Cukai Pendapatan telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa beliau mengemukakan Belanjawan untuk tahun 1978. Rang Undang-undang dibentangkan adalah hanya bertujuan untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu.

Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini mengemukakan suatu definisi "long-term loan" yang baru, yang akan meliputi pinjaman tiga tahun yang dibuat secara beransuran serta bayaran-bayaran yang dibuat secara beransur juga dalam masa tempoh pinjaman tiga tahun itu.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui rebate cukai sebanyak \$30 kepada isteri-isteri yang tidak bekerja atau isteri-isteri yang bekerja tetapi tidak memilih untuk ditaksirkan berasingan telah diberi dalam tahun 1977. Pindaan seperti dalam Fasal 3 (b) dalam Rang Undang-undang ini akan membenarkan isteri-isteri yang bekerja dan memilih untuk ditaksirkan berasingan mendapat rebate yang sama.

Fasal 3 (e) Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membenarkan supaya bayaran zakat fitrah diberi pelepasan secara kredit daripada cukai pendapatan yang dikenakan dibayar.

Mengikut undang-undang sekarang seseorang isteri adalah dibenarkan memilih untuk ditaksirkan berasingan atas pendapatan pekerjaannya sahaja. Adalah dicadangkan supaya hak ditaksirkan berasingan diberi juga kepada isteri-isteri yang menjalankan pekerjaan ikhtisas seperti Akauntan, Peguamcara dan Peguambela, Akitek, Doktor Gigi, Doktor ataupun sesuatu pekerjaan ikhtisas yang tertakluk kepada undang-undang yang tertentu. Walau bagaimanapun taksiran berasingan tidak akan dibenar kepada isteri yang menjalankan pekerjaan ikhtisas itu sekiranya ia bekerja di dalam syarikat-syarikat yang dipunyai oleh suami mereka. Pindaan seperti dalam Fasal 5 akan menguatkuasa cadangan ini.

Fasal 9 dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini akan memberi peruntukan untuk potongan tambahan sebanyak 6% daripada kumpulan wang ahli-ahli sesuatu koperasi. Langkah ini akan membolehkan koperasi-koperasi membahagikan dividen-dividen kepada Ahli-ahli mereka. Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk membetulkan kedudukan berkenaan dengan potongan perbelanjaan perlombongan sebenar yang dibuat semasa memindah milik satu lombong kepada pemilik yang lain. Kedudukan sekarang di mana potongan itu tidak dibenarkan adalah dianggap tidak saksama dan mungkin menghalang perkembangan perusahaan itu. Fasal 10 dalam Rang Undang-undang ini akan menghapuskan sekatan ini.

Fasal 12 (b) dalam Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk membenarkan ganjaran yang dibayar kepada pekerja-pekerja Kerajaan yang bersara pilihan apabila

sampai umur 50 tahun atau 45 tahun bagi pekerja-pekerja perempuan, dikecualikan daripada cukai.

Fasal 12 (c) pula memperuntukkan supaya royalti sebanyak yang diterima oleh penulis para artis, penyanyi, pelakon dikecualikan. Akan tetapi pendapatan secara gaji tetap yang diterima oleh orang-orang ini daripada pekerjaan tidak akan diberi pengecualian itu.

Kesemua pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1978 terkecuali Fasal 2 yang dianggap berkuatkuasa dari tarikh 1hb Januari, 1977 dan Fasal 12 (b) yang berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.57 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini khususnya mengenai kedudukan meringankan di dalam Fasal 3 (e) mengenai orang-orang Islam bahawa segala kewajipan-kewajipan mengikut sebagai seorang Islam boleh ditolak daripada cukai pendapatan. Saya percaya ini adalah satu perubahan yang besar kepada kedudukan dan bebanan yang selama ini ditanggung oleh orang-orang Muslimin yang terpaksa membayar dua kali cukai iaitu pertama membayar cukai kepada Kerajaan iaitu income tax, yang kedua terpaksa pula membayar zakat yang telah dikanunkan ataupun telah menjadi salah satu rukun Islam yang mesti disempurnakan oleh setiap orang Islam. Saya percaya kedudukan kewangan badan-badan Islam yang telah dikanunkan untuk menjadi sebagai penerima zakat ini akan menjadi bertambah baik dan tanggungannya juga akan menjadi bertambah berat.

Walau bagaimana sekalipun, saya sukalah meminta perhatian Kementerian Kewangan iaitu di dalam mengiktirafkan ataupun melantik institusi-institusi agama yang boleh menerima zakat ini patutlah juga diambil satu daya usaha bagi mengawasi supaya segala wang yang dibayar mengikut taksiran undang-undang ini yang dipergunakan dengan sebenarnya mengikut kehendak-kehendak Islam yang maha suci.

Saya suka juga mengesyorkan supaya sebuah badan pusat yang dibolehkan ataupun yang diterima sebagai pemungut-pemungut fitrah dan pemungut-pemungut zakat untuk mengendalikan masaalah yang berkaitan dengan perkara ini. Saya ingin juga mengesyorkan iaitu sekiranya boleh satu pengawasan hendaklah dibuat kepada badan-badan yang disahkan atau badan-badan yang diiktirafkan sebagai yang tersebut di dalam peraturan ini "appropriate religious authority established under any written law". Jadi takrif ini patutlah dikemaskan supaya tujuan asal iaitu motif disebalik adanya undang-undang ini dapat diawasi dengan sempurna. Saya sangatlah mengharapkan supaya perkara ini dapat diambil perhatian dan dapat diawasi dengan sempurna pada masa-masa akan datang.

6.01 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong segala pindaan-pindaan yang ada di dalam Bill ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana dapat meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang saya sangat sukacita iaitu berkenaan dengan beberapa perkara. Yang pertama, berkenaan rebate sebanyak \$30 bagi seorang isteri yang ditaksirkan berasingan di bawah Seksyen 45 (4), tetapi kalau boleh saya merayu kepada Kementerian Kewangan kerana rebate \$30 ini terlampau kecil, kalau boleh dinaikan pada masa-masa yang akan datang.

Yang kedua, saya sukacita menyatakan berkenaan Syarikat Kerjasama telah dapat dikurangkan taxnya. Pada masa sekarang kami Syarikat-syarikat Kerjasama kena bayar 45% keuntungannya dan ahli-ahlinya yang mendapat dividend pula kena bayar tax lagi. Jadi, ahli itu kena dua kali bayar income tax, bayaran utama, tax dari keuntungan Syarikat Kerjasama 45% yang mana ahli itu patut mendapat lebih dividend tetapi oleh sebab Syarikat Kerjasama itu dipotong 45% terpaksa dividend itu dikurangkan pada ahli-ahli kami.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih dalam Bill ini kerana bayaran zakat dan fitrah akan diberi rebate. Ini sudah sepatutnya lama dijalankan kerana

orang-orang Islam banyak kena bayar cukai—cukai zakat, cukai fitrah, cukai pendapatan dari gajinya dan cukai pendapatan dari perniagaan khususnya orang-orang yang menjadi Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan Negeri, beratus-ratus ringgit tiap-tiap bulan dikeluarkan kerana mereka ini menerima tiap-tiap bulan surat rayuan meminta derma dari bermacam-macam pertubuhan dan juga badan-badan agama. Ini patut Kerajaan timbangkan pada Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi ucapan tahniah kepada Kerajaan berkenaan dengan mengecualikan cukai bagi wang gratuity yang didapati oleh pegawai-pegawai yang akan bersara dari perkhidmatan Kerajaan, kerana ini akan menambah pendapatannya untuk belanja kehidupannya dan keluarganya hingga beliau meninggalkan dunia ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya patut memberi tahniah iaitu hasil pendapatan tahunan telah dinaikan dari \$2,000 ke \$3,000 pada orang-orang yang tersebut di dalam Bill ini yang mana ini sudah lama juga patut dijalankan kerana pendapatan sekarang tidak mencukupi disebabkan harga barang-barang makanan, pakaian dan apa-apa juga sangat mahal harganya. Dengan kenaikan kepada \$3,000 setahun maka adalah memberi sedikit nafas kepada mereka. Tetapi saya juga berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengapa orang-orang itu sahaja diberi kemudahan, mengapakah tidak semua orang yang makan gaji kerana hal ini telah lama dilaung-laungkan dalam Mesyuarat Agung UMNO sendiri yang belum lagi ditimbang oleh Kerajaan.

Ini sahaja pandangan saya dan saya menyokong segala pindaan-pindaan di dalam Bill ini. Terima kasih.

6.06 ptg.

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya hendak menyentuh tiga perkara. Perkara pertama ialah mengenai income tax relief.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini kini tidak membenarkan seorang pembayaran cukai yang menanggung ibubapanya sebarang potongan pendapatan mengenainya. Potongan

ini adalah dibenarkan di negeri-negeri lain seperti Singapura. Di dalam masyarakat Asia atau Timur di mana tanggungjawab terhadap ibubapa adalah mustahak dan juga di mana tiada sekim keselamatan sosial seperti di United Kingdom bebanan pembayar-pembayar cukai yang mempunyai ibubapa adalah bertambah berat. Bebanan ini dapat diringankan sedikit dengan memberikan potongan pendapatan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kerajaan untuk memberikan perhatian terhadap perkara ini dan menimbangkan supaya dibenarkan seseorang pembayar cukai yang menanggung seseorang ibubapa atau keduanya potongan yang sewajarnya bagi maksud cukai tersebut.

Perkara kedua ialah mengenai bayaran ansuran oleh pembayar cukai yang membeli rumah sendiri. Kerajaan telah menerangkan beberapa kali bahawa salah satu daripada tujuannya ialah untuk menggalakkan rakyat memiliki rumah sendiri. Oleh itu, rancangan rumah murah telah menjadi sebahagian daripada rancangan pembangunan Kerajaan. Pada pendapat saya satu cara lain yang boleh membantu kita mencapai matlamat ini ialah dengan membenarkan bayaran ansuran atau sebahagiannya yang dibayar oleh pembayar cukai kepada badan-badan peminjam untuk membeli rumah itu diberi potongan cukai. Ini sudah pasti akan menggalakkan orang-orang yang bekerja memiliki rumah mereka dan mendidik anak-anak mereka di dalam suasana yang baik. Pembinaan rumah akan bertambah dan lebih banyak lagi peluang pekerjaan akan terbuka. Kerugian cukai yang akan dialami oleh Kerajaan dengan membenarkan potongan itu akan dapat digantikan dengan faedah-faedah yang akan dinikmati oleh masyarakat seluruhnya.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai definisi atau takrif "long-term loan" dalam seksyen 2 Rang Undang-undang ini. Disebabkan perkara ini ialah perkara teknikal saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, under the Act interest derived or payable in respect of a long-term loan will not be subject to withholding tax by virtue of section 109.

Section 2 defines what is a "long-term loan". Section 2 of the Bill proposes to amend section 2 of the Act by adding a proviso so that where part repayment or

withdrawal of the original loan is made during the loan period and the conditions mentioned in the proviso are complied with, this does not disqualify the loan as a long-term loan.

Tuan Yang di-Pertua, while this amendment is necessary to remove any ambiguities or doubts pertaining to loans in respect of which repayment is made by instalments during the loan period, the amendment, in my view, is still not adequate.

Today, loan financing, particularly off-shore loan financing, is not a simple case of lending a fixed sum for a fixed period. The money markets of the world operate on the basis that moneys borrowed by financial institutions are matched with moneys lent by these institutions. For example, if funds are tapped from the Euro-dollar market, the funds come from institutional or individual deposits for periods of three, six or nine months. Thus, financial institutions which organise loans, whether on a consortium basis or otherwise, often structure them on the basis of a three-month, six-month or nine-month roll-over although the maximum period of the loan is mentioned. For example, a loan may be for a fixed period of five years but rolled over every three, six or nine months. Now, this is to match the moneys borrowed with the loans given. Otherwise, financial institutions will be borrowing short but lending long.

Tuan Yang di-Pertua, present day loans, as I said, particularly off-shore loans are invariably structured on a roll-over basis. The financial institutions cannot afford to borrow short and lend long because should a crisis occur in the money markets, for example, the Euro-dollar market, there will be a flight of moneys as depositors either withdraw or transfer their deposits. The lenders will then find themselves in a position of having borrowed short and lent long, which is contrary to all principles of banking.

Thus, Tuan Yang di-Pertua, I would urge that due consideration be given to this matter, and I suggest that an amendment be made to the definition of long-term loan to include loans given on a three-month, six-month, nine-month or longer period roll-over basis.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil sedikit bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang yang baru

dikemukakan tadi. Sebenarnya saya ada dua perkara tetapi satu telahpun disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Michael Wong Kuan Lee dan saya tidak akan mengulanginya.

Perkara yang saya hendak timbulkan di Dewan ini ialah berkenaan dengan peruntukan baru yang dibuat memberi pelepasan kepada segolongan manusia yang memberi khidmat yang boleh dianggap memuaskan terhadap negara kita yang sekian lama ini sudah tertinggal. Yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah di bawah Fasal 12 Rang Undang-undang ini, peruntukan baru kepada Bahagian I, Jadual 6, perenggan 32 yang mana pelepasan sebanyak \$3,000 setahun akan diberi kepada pendapatan daripada royalty yang diterima oleh penulis-penulis, pelukis-pelukis, penyanyi kita. Bagi pihak mereka itu, saya sukalah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan kerana telah mendengar rayuan mereka.

Kita di Malaysia ini masih muda lagi dalam bidang itu. Kita memerlukan galakan yang banyak supaya artis-artis kita, saya gunakan perkataan "artis" ini termasuk seluas-luasnya penulis kita, pelukis kita, penyanyi kita, pembuat kartun kita dan siapa juga yang menghasilkan karya kreatif ini dan mereka ini patut digalakkan dan saya rasa \$3,000 ini sungguhpun buat sementara telah diberikan, tetapi pada saya mungkin tidak memberi insentif yang lebih besar lagi, yang mencukupi. Saya lebih suka supaya kita beri insentif yang lebih besar lagi, lebih daripada \$3,000 supaya kita boleh membanyakkan lagi karya-karya daripada artis-artis kita. Kalau kita pandangan dalam bidang sastera (literature), dalam bidang seni lukis, seni halus, seni pahat, berbagai-bagai seni, kita masih mundur lagi, kita perlu banyak lagi karya-karya supaya memupuk, menambah kekayaan kebudayaan di negara kita dan mereka inilah yang menghasilkan dan saya rasa \$3,000 ini tidaklah mencukupi. Saya lebih suka kalau dapat angka ini ditimbang semula dan dinaikkan, bukan kerana apa, kerana hendak memberi galakan yang memuaskan kepada pencipta-pencipta karya kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

6.15 p/g.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang telah diberi oleh Yang Berhormat Senator-senator dalam perbahasan kerana Rang Undang-undang yang telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Haji Khalid bin Haji Abdullah telah menyentuh Fasal 3 (e) yang mengharap supaya pengawasan diadakan agar institusi-institusi yang akan dilantik untuk menerima pembayaran zakat, fitrah dan sebagainya dijamin atau pun diselamatkan. Saya yakin apabila cadangan ini telah diedar atau pun dimajukan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama kita, mereka akan mengambil semua langkah yang perlu supaya jentera-jentera menerima pembayaran-pembayaran itu dapat diketatkan agar semua pembayaran-pembayaran yang akan dibuat itu dapat ditadbirkan dengan sebaik-baik yang boleh.

Beliau juga menyentuh atas perkataan-perkataan dalam Fasal 3 (e) dan saya petik: "Established under any written law". Saya suka memberi jaminan supaya Kementerian Kewangan akan mengambil langkah-langkah supaya perlantikan institusi-institusi itu dapat dibuat dengan sebaik-baik yang boleh.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah mengatakan rebate \$30 terlampau kecil dan beliau mengharapkan rebate itu dibanyakkan. Saya suka mencadangkan supaya beliau bersabar sedikit, kerana cadangan ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Kewangan dan akan dikaji dan jika dianggap patut barangkali muga-muga dapat ditimbang semula oleh Kementerian Kewangan dan barangkali akan dicerminkan dalam Budget kita untuk tahun 1979.

Berkenaan dengan koperatif-koperatif yang dikatakan dalam keadaan yang sedia ada itu dicukai dua kali, teguran ini juga akan diambil perhatian dan akan dikaji dengan seteliti yang boleh oleh Kementerian Kewangan dan sekiranya dianggap sesuai, sesuatu langkah akan diambil untuk membetulkan kelemahan ini.

Yang Berhormat Senator Michael Wong Kuan Lee telah menyentuh beberapa perkara, yang pertama berkenaan dengan masalah relief bagi ibubapa dalam tanggungan. Saya suka menjelaskan walaupun cadangan itu adalah dianggap menasabah akan tetapi pada masa sekarang dirasai oleh Kementerian Kewangan akan terlibat masalah-masalah asas kalau dipandang dari segi pentadbiran.

Masalah besar di sini ialah bagaimana hendak mengetahui samada ibubapa itu masih ada apabila tuntutan untuk relief ini dibuat. Tidak halnya bagi kanak-kanak tarikh lahir ibubapa tidak ada kaitan di sini. Anggapan terpaksa dibuat bahawa ibubapa masih hidup jika sesuatu tuntutan untuk relief dibuat. Samada anggapan ini benar atau tidak akan hanya boleh ditentukan daripada tidak adanya sijil mati mereka dan ini adalah satu perkara yang sukar dari segi pentadbiran.

Lagi pun setengah daripada ibubapa dalam tanggungan mungkin bukannya ibubapa yang sebenar. Oleh kerana itu setengah kanak-kanak mungkin mempunyai orang lain sebagai penjaga (guardian) mereka, misalnya datuk-nenek, ibubapa tiri atau pun ibubapa angkat. Nama setengah-setengah penjaga mungkin tidak serupa dengan nama bapanya. Oleh yang demikian, jika relief dibenarkan bagi penjaga-penjaga yang bukannya ibubapa adalah agak sukar untuk menentukan samada ibubapa tua yang disebutkan itu adalah sebenarnya penjaga. Selain dari itu, jika penjaga yang bukan ibubapa ini dikeluarkan maka tidaklah adil bagi mereka yang tidak mempunyai ibubapa atau penjaga mereka sendiri.

Satu masalah lagi iaitu adakah pembayar cukai benar-benar menanggung ibubapanya. Masalah ini ialah untuk menentukan samada pembayar cukai yang menuntut relief bagi ibubapa yang berumur benar-benar menanggung mereka. Tidak ada jalan dirasai dari segi pentadbiran untuk menentukan hal ini dari asas ekonomi. Begitu juga siapakah yang layak untuk relief itu. Berkenaan dengan ibubapa yang mempunyai banyak anak misalnya, adalah susah untuk menentukan anak yang manakah layak untuk relief. Jika semua mereka menuntut bahawa mereka menanggung ibubapa yang sama sementara hanya seorang atau dua sahaja yang layak, masalah pentadbiran dan masalah perundangan yang terlibat adalah sangat rumit dan banyak juga timbul hal-hal yang sedemikian.

Sebaliknya membenarkan relief untuk semua anak-anak itu berkenaan ibubapa yang sama akan bererti melupuskan pendapatan Kerajaan yang sepatutnya tidak begitu.

Berkenaan dengan perkara ansuran perumahan yang dicadangkan patut dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan, saya suka menjelaskan bahawa ini telah dihuraikan dalam jawapan suatu soalan lisan dalam Dewan Rakyat pada 18hb Disember, 1977, bahawa Kerajaan tidak ingin menimbangkan untuk memberi relief kepada pembayar cukai bagi pinjaman yang diperolehi daripada bank atau syarikat-syarikat kewangan untuk membeli rumah. Relief sedemikian akan hanya memberi faedah kepada mereka yang berpendapatan tinggi kerana mereka mampu membeli rumah yang mahal dan dengan demikian mendapat pengecualian yang lebih tinggi dari cukai. Di sebaliknya pula mereka yang berpendapatan kecil tidak akan menafaati daripada cadangan ini kerana banyak daripada mereka membayar cukai yang rendah atau tidak langsung membayar cukai. Oleh yang demikian cadangan sedemikian dirasai, pada masa ini, tidak akan membawa faedah yang saksama kepada semua pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator itu, berkenaan tafsiran "long term loan", Kerajaan memang sedar cara-cara tindakan banker-banker dalam memberi kewangan terhadap pinjaman jangka panjang dan ini telah dipertimbangkan. Adalah disebabkan oleh hal ini yang pindaan sekarang ini membenarkan pembayaran balik dalam tempoh selama 3 tahun atau lebih. Adalah tidak mungkin untuk memasukkan pinjaman bagi sesuatu tempoh yang lebih pendek oleh kerana wang itu ada kemungkinan dikeluarkan daripada Malaysia atas notis yang singkat. Adalah terang bahawa ini akan mengakibatkan ketidak stabilan sistem kewangan kita. Saya percaya perkara ini pun telah diantecipatekan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dan oleh sebab itu beliau hanya menyentuh satu perkara sahaja iaitu di bawah Fasal 12 (c). Saya rasa sukacita konsep yang baru itu telah mendapat sambutan yang baik dan saya suka mengulangi di sini iaitu memanglah hasrat Kerajaan untuk menggalakkan artis-artis kita yang telah, sedang dan terus akan mengkayakan kebudayaan negara kita.

Berkenaan dengan teguran bahawa incentive itu tidak begitu lumayan, saya percaya Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian atas cadangan itu dan moga-moga sekiranya dianggap munasabah mungkin juga teguran ini akan dapat diselesaikan dan akan dicerminkan pula di dalam budget kita untuk tahun 1979.

Sekianlah Tuan Yang di-Pertua, dan kalau ada perkara-perkara yang saya belum sempat sentuh di sini bukanlah bermakna butir-butir itu telah terlupa, akan tetapi semua butir-butir itu akan dapat disemak semula dan akan dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan dengan sebaik-baik yang boleh.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN) (NO. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin dan bagi Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 dibaca pada kali yang kedua.

Dalam Ucapan Belanjawan 1978 Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengemukakan beberapa cadangan mengenai percukaian atas perusahaan perlombongan dan cukai pembangunan. Pindaan-pindaan yang dibuat melalui Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah untuk melaksanakan cadangan-cadangan itu.

Cukai keuntungan bijih timah pada masa ini adalah dikenakan mengikut kadar rata sebanyak 10% atas keuntungan bijih timah. Seseorang yang mendapat keuntungan bijih timah yang tidak melebihi \$10,000 tidaklah dikenakan cukai itu. Sebagai satu bantuan kepada perindustrian perlombongan adalah dicadangkan cukai keuntungan bijih timah pada kadar purata 10% itu digantikan dengan kadar cukai mengikut skel. Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini mengemukakan kadar-kadar cukai keuntungan bijih timah yang baru ini.

Mengikut peruntukan undang-undang sekarang seseorang yang memajakkan tanah untuk dilombong dan mendapat bayaran (tribute) kerana itu adalah dikenakan cukai keuntungan bijih timah di bawah Akta Cukai Pendapatan Tambahan. Akan tetapi ini tidak disifatkan sebagai menjalankan sesuatu perusahaan melombong untuk maksud cukai pendapatan dan oleh yang demikian ia tidaklah layak menerima elaun kemerosotan lombong yang dijalankan itu. Pindaan yang dibuat dalam Fasal 2 akan membetulkan kedudukan ini supaya seseorang yang menerima "tribute" tidak akan dikenakan cukai keuntungan bijih timah dan selanjutnya oleh kerana ini pindaan dalam Fasal 3(b) akan menentukan supaya ia tidak mendapat potongan \$100 untuk tiap-tiap pikul bijih timah yang dijual dalam mengira keuntungan bijih timah.

Mengikut peruntukan undang-undang sekarang pendapatan seseorang isteri adalah dikumpulkan bersama pendapatan suaminya untuk maksud cukai pembangunan. Seajar dengan cadangan yang telah dibuat supaya isteri-isteri yang menjalankan sesuatu pekerjaan iktisas dibenarkan ditaksir berasingan, maka cadangan adalah juga dibuat supaya isteri-isteri yang menjalani pekerjaan iktisas itu dan ditaksirkan berasingan akan ditaksirkan berasingan juga untuk maksud cukai pendapatan. Pindaan yang berkenaan adalah terkandung dalam fasal 5.

Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini memperuntukkan pindaan bagi menghapuskan cukai pembangunan minima yang dikenakan atas syarikat berdasarkan kepada jumlah kadar yang dibayar dan juga cukai pembangunan minima sebanyak \$100 yang dikenakan atas kelab, persatuan, badan amanah, harta pusaka si mati atau keluarga sekutu Hindu. Cukai sebanyak 5% sahaja akan dikenakan apabila keuntungan diperolehi.

Pindaan-pindaan lain adalah pindaan kecil dan yang berbangkit. Semua pindaan-pindaan yang dikemukakan ini akan berkuatkuasa pada tahun 1978 dan tahun-tahun yang berikutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masaalah ini kepada Majlis bagi diputuskan untuk disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI
KEUNTUNGAN HARTA TANAH
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin dan bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dibaca kali yang kedua. Rang Undang-undang tersebut adalah bertujuan untuk menguatkuasakan cadangan-cadangan yang telah dibuat berkenaan dengan cukai atas keuntungan harta tanah seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa mengemukakan Belanjawan untuk 1978.

Mengikut peruntukan undang-undang yang ada sekarang, sekiranya sesuatu harta yang dipunyai oleh seseorang atau isterinya atau bersama dipindah milik kepada sesuatu syarikat, pemindahan itu adalah dianggap sebagai suatu di mana tidak ada untung atau rugi. Ini bermakna bahawa harta itu boleh dipinda semata-mata atas bayaran tunai tanpa dikenakan cukai; manakala cukai hendaklah dikenakan sebenarnya kerana pindahan itu adalah merupakan tukaran harta kepada wang tunai. Pindaan kepada undang-undang yang dicadangkan seperti dalam Fasal 3 (1) dalam Rang Undang-undang ini akan membetulkan kedudukan ini dengan memperuntukkan supaya cukai dikecualikan hanya jika balasan untuk pindah harta itu dibuat dengan cara mendapat saham-saham sahaja atau dengan sebahagian besarnya menerusi saham dan yang baki dengan bayaran tunai. Pindaan ini akan dikuatkuasakan mulai 29hb Oktober, 1977.

Pada masa sekarang, cukai tidak akan dikenakan sekiranya sesuatu harta itu dipindah milik secara hadiah dan jika pemberi dan penerima hadiah itu adalah cukup umur dan mereka ialah suami isteri, bapa dan anak atau nenek dan cucu dan mereka telah dalam masa sebulan daripada tarikh pindaan milik itu bersama-sama memilih supaya pindah milik itu adalah tanpa untung atau rugi. Syarat yang dikenakan ini adalah difikirkan ketat dan oleh itu adalah dicadangkan pindaan kepada undang-undang dibuat supaya penerima hadiah itu tidaklah semestinya seseorang yang cukup umur dan pilihan

mengenai hadiah itu bolehlah dibuat bila-bila masa. Pilihan ini tidaklah boleh ditarik balik dan dikehendaki dibuat oleh pemberi hadiah itu sahaja. Pindaan ini adalah dianggap berkuatkuasa mulai 7hb November, 1975.

Mengikut undang-undang sekarang pindahan harta-harta di antara syarikat di dalam suatu kumpulan dengan tujuan untuk menambatkan kecekapan kumpulan itu adalah dianggap sebagai penjualan di mana tidak ada untung atau rugi dan kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri hendaklah didapati terlebih dahulu sebelum membuat pindahan itu. Oleh kerana syarat undang-undang ini sangatlah terhad, pengecualian cukai tidaklah boleh diberi atas pindahan harta oleh syarikat-syarikat yang tidak bermastautin kepada syarikat-syarikat Malaysia yang dibuat dalam langkah menukar mastautin mereka ke Malaysia dan membenarkan penyertaan modal Malaysia. Pindaan dicadangkan dibuat untuk membenarkan pindah harta-harta di antara syarikat-syarikat tersebut dianggap sebagai suatu penjualan yang tidak membawa untung atau rugi. Pindahan ini hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri terlebih dahulu. Kelulusan ini akan hanya diberi bagi pindah harta di dalam sesuatu sekim penyusunan semula atau penyantunan yang dibuat untuk menyesuaikan dengan dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal di dalam industri-industri.

Fasal 4 kepada Rang Undang-undang ini adalah mengenai pindahan untuk memberi pengecualian atas penjualan sebuah rumah kediaman. Mengikut undang-undang yang ada sekarang syarat-syarat yang dikenakan bagi mendapat pengecualian daripada cukai keuntungan harta tanah atas penjualan sebuah rumah kediaman adalah sangat ketat. Oleh itu, pindaan seperti yang dicadangkan di dalam Fasal 4 Rang Undang-undang ini mengecualikan sebarang keuntungan yang didapati daripada penjualan sesebuah rumah kediaman yang dimiliki oleh seseorang. Sebuah rumah kediaman itu adalah ditafsirkan sebagai bangunan di Malaysia yang dimiliki atau diguna oleh seseorang itu sebagai tempat kediamannya atau sebagai satu daripada beberapa tempat kediamannya. atapun yang dimiliki dan disewakan sebagai tempat kediaman. Seorang pemilik yang mempunyai beberapa buah rumah boleh memilih satu daripada rumah-rumah itu bagi tujuan mendapat pengecualian. Pilihan yang

dibuat itu hendaklah dengan cara bertulis dan tidak boleh ditarik balik. Pindaan ini adalah berkuatkuasa mulai 29hb Oktober, 1977.

Peruntukan undang-undang sekarang mengecualikan daripada cukai keuntungan yang didapati daripada penjualan harta sekiranya nilai harta itu kurang daripada \$50,000. Pengecualian secara ini tidak menghapuskan spekulasi atas rumah-rumah berharga murah yang bernilai kurang daripada \$50,000. Keuntungan yang besar yang didapati daripada penjualan rumah-rumah ini juga tidak dikenakan cukai. Untuk membetulkan kedudukan ini adalah dicadangkan supaya pengecualian diberi berasaskan kepada keuntungan yang didapati dan bukan berasaskan kepada nilai harta itu. Langkah ini adalah lebih adil kerana tanggungan cukai itu adalah berasaskan kepada keuntungan. Keuntungan sebanyak \$5,000 atau 10% daripada keuntungan yang boleh dicukai yang mana lebih tinggi dicadangkan/dikecualikan. Sebarang keuntungan lebih daripada jumlah yang dikecualikan ini akan dikenakan cukai.

Adalah juga dicadangkan supaya kadar-kadar cukai keuntungan harta tanah diubah. Kadar-kadar yang baru ialah bagi harta tanah yang dijual dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pemilikan diturunkan sebanyak 10 tingkat peratusan iaitu dari 50% kepada 40%, dari 40% kepada 30% dan seterusnya dan sebanyak 5 tingkat peratusan bagi jualan-jualan dalam tahun keenam dan seterusnya iaitu dari 10% kepada 5%. Kadar-kadar baru ini dijangka akan menggalakkan jual beli dalam pasaran harta tanah.

Pindaan-pindaan lain dalam Rang Undang-undang ini adalah pindaan kecil dan yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalaah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.48 ptg.

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyen-
tuh satu perkara sahaja mengenai Jadual Kedua kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pindaan) 1976. Jadual Kedua ini mensyaratkan bahawa di mana sesuatu harta itu telah dibeli sebelum 1hb Januari 1970 dan kemudiannya dijual harga yang dibayar terhadap harta itu tidak dikira. Sebaliknya harga pembelian itu adalah harga pasaran pada 1hb Januari 1970. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa harga harta pada umumnya tahun 1969 dan tahun 1970 adalah terlalu murah. Oleh itu jika harta ini dibeli dalam tahun 1967 atau 1968 dengan harga katanya \$100,000 akan hanya bernilai kira-kira \$60,000 dalam tahun 1970. Sekiranya harta ini akan dijual sekarang dengan harga \$120,000 keuntungan yang dikira menurut Akta ini adalah \$60,000 dan bukan keuntungan yang sebenarnya iaitu \$20,000.

Tuan Yang di-Pertua, ini sangatlah tidak adil kepada pembayar cukai. Untuk mengelakkan kemungkinan daripada berlakunya layanan yang tidak sama itu, saya suka mengesyurkan kepada Kerajaan supaya meminda Akta itu dengan mengira mana yang lebih tinggi samada harga pembelian yang sebenarnya dibayar atau nilai pasaran pada 1hb Januari, 1970 mengenai harta-harta yang dibeli sebelum tarikh itu.

6.51 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil sedikit bahagian dalam perbincangan terhadap Rang Undang-undang ini. Pada keseluruhannya pindaan-pindaan yang dibawa adalah baik kalau dibandingkan daripada apa yang ada setakat ini. Dari itu, saya memberikan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan, terutama sekali pindaan-pindaan kepada Jadual 5 di bawah Fasal 6 Rang Undang-undang ini yang telah menurunkan angka peratus daripada "50" kepada "40" dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, saya sukalah membawa pandangan Dewan yang mulia ini kepada cara-cara kita menghantar Bil ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sungguhpun Bil yang sepatut kita bincangkan adalah Bil yang telah dikemukakan daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara, tetapi oleh kerana

barangkali salah taip dan sebagainya, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara menerima 2 Bil sungguhpun yang akhirnya itu ada dikaitkan satu keratan yang mengatakan Rang Undang-undang ini menggantikan naskah Rang Undang-undang yang telah dihantar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu daripada ini. Jadi, kalau ada orang yang tinggal slip ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin dia baca Rang Undang-undang yang lapuk. Saya rasa kalau berlaku kesilapan sedemikian patutlah kita cari jalan lain supaya tidak mengelirukan, kerana saya ada dua-dua Bil di sini, dua-duanya pun DR. 31/77 rupanya yang ini dipakai. Jadi, saya rasa kalau berlakulah sedemikian salah taip di Pejabat Cetak Kerajaan umpamanya, elok kita cari sistem lain supaya tidak terkeliru nanti, kerana saya takut saya pandang Bil yang lama ini padahal kita patut bahaskan ialah yang baharu dikeluarkan, kerana pada zahir nampaknya hampir serupa, cuma ada satu fasal sahaja kalau tidak salah, yang telah bertukar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyetujui Fasal 3 Jadual 2 kepada Akta ibu. Ini adalah satu perkara yang baik yang mana kita mahu syarikat-syarikat yang sekarang ini bermastautin di negara asing pindah ke mari dan ini juga menjadi hasrat Kerajaan supaya syarikat-syarikat yang sekarang ini dikelolai oleh warganegara asing didaftarkan umpamanya, di England kita hendak bawa balik kerana kebanyakan daripada asetnya adalah di negara kita. Ini satu langkah yang bijak yang sangat kita alu-alukan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri khususnya berkenaan dengan Fasal 3 yang mana kalau dapat saya bacakan:

“Fasal 3. Jadual 2 kepada Akta ibu adalah dipinda seperti berikut:

- (3) dengan menggantikan perenggan-kecil (1) perenggan 17 dengan perenggan-kecil baru yang berikut—

“(1) Tertakluk kepada perenggan ini, jika dengan kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah sesuatu aset dipindahmilik antara—

- (a) syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama untuk menambah kecekapan dalam perjalanan; atau

- (b) syarikat-syarikat dalam sesuatu skim penyusunan semula, pembentukan semula atau penyatuan,

bagi suatu balasan—ini yang saya minta penerangan sedikit—terdiri daripada syer-syer dalam syarikat itu, atau bagi suatu balasan terdiri, sebahagian besarnya, daripada syer-syer dalam syarikat itu dan, bakinya, terdiri daripada bayaran wang . . . ”

Ini yang saya minta penjelasan sungguhpun dalam naskah Bahasa Malaysia kita nampak ada koma selepas daripada syarikat itu dan, ada koma “bakinya” ada koma dalam naskah Ingerisnya tidak ada. Tetapi apa yang dimaksudkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada 2 jenis “balasan” tadi iaitu “syer-syer dalam syarikat itu” itu satu balasannya dan satu lagi “balasan terdiri” sebahagian besarnya, daripada syer-syer dalam syarikat itu dan, bakinya, terdiri daripada bayaran wang”—kalau saya boleh gunakan dalam bahasa Ingerisnya, Tuan Yang di-Pertua:

“ . . . for a consideration consisting of shares in the company, or for a consideration consisting substantially of shares in the company and the balance of a money payment . . . ”

Jadi, saya difahamkan, semasa kita hendak memindah-milik atau memindah balik syarikat-syarikat ke negara kita ini ada tiga jenis cara yang dia boleh buat iaitu kita terpaksa kadang-kadang dengan menggunakan balasan syer sama syer satu lagi balasannya dengan separuh syer, separuh duit. Dan yang ketiganya saya faham penting ialah jikalau dibayar dengan duit itu. Jadi, sebenarnya ada tiga jenis yang saya dapati ini patutlah kita kaji kalau tujuan kita hendak membawa balik syarikat-syarikat di luar negeri itu kerana asetnya di sini dan ini juga memenuhi kehendak Kerajaan seperti yang diterangkan di dalam Rang Undang-undang ini, maka patut kita kaji balik. Kita kaji daripada pengalaman yang syarikat-syarikat yang mana kita telah arahkan kembali ke mari. Saya difahamkan ada tiga jenis perkara yang perlu iaitu syer sama syer balasannya, syer sebahagian, wang sebahagian dan yang ketiganya dengan duit sendiri, maknanya balasan

duit terus. Ini nampaknya telah tertinggal di sini dan saya percaya pihak Kementerian Keuangan akan menyelidiki perkara ini dan bertanya dengan syarikat-syarikat yang terlibat, terutama sekali syarikat-syarikat yang Kerajaan tajaan supaya membawa balik syarikat-syarikat asing itu ke mari dan boleh didapati bahawa perkara ini mungkin perlu. Dan saya haraplah pandangan saya yang ikhlas ini dikaji oleh Kerajaan dan dengan itu saya menyokong sekali lagi Rang Undang-undang ini.

6.59 *ptg.*

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini mula-mula dibuat kerana speculation tanah terutama sekali di Johor. Sebab-sebabnya ialah orang-orang daripada Singapura ataupun orang luar datang membeli tanah-tanah kita di Johor, dengan sebab itu harga tanah naik melambung dan warganegara kita payah sangat untuk mendapatkan tanah. Itulah sebabnya Rang Undang-undang ini dibuat untuk mempertahankan supaya harga tanah jangan naik melambung. Bukan kerana dia beli sahaja, tetapi membeli dan menjual, itulah sebabnya speculation tanah ini terus-menerus berjalan daripada modal-modal asing, daripada Hongkong, daripada Singapura dan lain-lain negeri. Dengan sebab itu maka Kerajaan telah buat Rang Undang-undang lebih kurang 5-6 tahun dahulu di Dewan Rakyat.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana selepas 5-6 tahun sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ia turun daripada peringkat ke peringkat sampai kepada lima tahun turun 10% dan terus selama-lamanya 10% pada undang-undang yang dahulu, tetapi sekarang dikendurkan selepas 5-6 tahun daripada 10% kepada 5%, terus 5%. Jadi, saya minta Kerajaan hendaklah jangan membebankan sangat kepada rakyat ataupun kalau sudah 5-6 tahun, 7 tahun itu memang tidak ada keuntungan yang besar selepas 6 tahun diturunkan pula 5%, 2%, 1% hingga 0%. Ini mestilah difikirkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan sedikit sebanyak pembelian tanah. Kalau tidak begitu akan beku sahaja tanah-tanah ini dan tidak ada pembelian kebanyakannya. Ini untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan modal asing yang dikatakan kebanyakan tanah-tanah yang di sekeliling Kuala Lumpur seperti Kepong Estate, harta yang besar-besar dalam negeri ini, estet yang besar adalah kepunyaan orang luar. Masa penjajahan dahulu segala tanah yang baik-baik diberi kepada orang luar terutama orang-orang Inggeris, orang Amerika, orang Peranchis, Dannish dan sebagainya. Ini yang kita dapati di sekeliling bandar ini. Harta tanah-tanah seperti ini, kita tahu dahulu iaitu di sekeliling Kuala Lumpur semuanya dikatakan \$2,000 seekar, hari ini melambung \$80,000 hingga \$200,000 satu ekar. Jadi saya ingat oleh kerana melambungnya sampai \$300,000 satu ekar wang ini dibawa balik ke negeri asal mereka dengan begitu banyak sekali. Oleh itu, kosonglah negeri kita, sebab wang semuanya sudah dibawa balik, oleh kerana kalau kita bertanya kepada Kementerian yang bertanggungjawab, negeri kita liberal, dan terlalu liberal. Saya ingat Menteri yang bertanggungjawab dapat menengokkan perkara ini supaya dibuatkan peraturan iaitu wang pembelian atau penjualan ini, foreign capital yang hendak dibawa balik daripada tanah; factory lainlah, tanah-tanah negara yang dijual daripada negeri kita supaya sekurang-kurangnya 50% mesti ditanam modal di dalam industri baik industri apa sahaja untuk mengembangkan industri dalam negeri kita ini, ataupun kita kata 70%, 30% bawalah balik ke negeri asal. Oleh kerana dasar Kerajaan untuk menggalakkan industri dalam negeri kita ini macam mana ada di Taiwan sana, orang-orang kaya diambil tanahnya, dinilai harga tanah itu, kemudian diberi kepada yang miskin, orang miskin ini boleh mengusahakan tanah-tanah ini. Orang yang kaya menanam modal di dalam factory dan cara itu mesti dibuat di negara kita supaya modal-modal asing ini, tanah yang dijual oleh orang asing ini, boleh dibawa, sebab untungnya 100%, 200% 300% kerana berapa sen tanah itu dibeli orang-orang Inggeris pada masa dahulu, tidak sampai \$20 satu ekar, masa dahulu \$6 sahaja satu ekar. Berapa ratus peratus untungnya, tidak boleh kita katakan 30% bawa balik. Ini adakah dasar keras, dasar yang tidak baik? Jadi ini kalau sesuatu negeri polisinya terlampau liberal oleh kerana kita menggalakkan modal asing masuk ke negeri ini, kalau terlampau liberal juga negeri kita akan kosong sekosong-kosongnya. Macam Dewan ini kalau tidak dikatakan Dewan memang Dewanlah tetapi

kalau tidak ada kerusi mejanya, diangkut oleh orang lain dikatakan Dewan tetapi tidak bermakna Dewan itu. Saya harap perkara ini mesti mendapat pandangan daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita membincangkan perkara tanah, kita mengatakan Bank Bumiputra hendak memajukan bumiputra dalam perindustrian sebab modal kita tidak ada, oleh kerana yang ada modal ini sedikit sebanyak ialah tanah. Saya pun kurang mengerti di atas perkara saham tadi, saham jual tanah, tukar saham ataupun saham ini kena tax atau tidak, ini saya pulangkan kepada Kementerian, kerana kepala saya pening dan susah hendak faham.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya kita hendak menggalakkan bumiputra di dalam perindustrian, apa yang ada padanya ialah tanah. Dijual tanah dijadikan saham dan saham ini tidak akan dapat ditax, kalau dia ambil saham, apa yang dia hendak tax? Jadi kalau dia ada untung daripada sahamnya, itu yang ditax; untung daripada saham itu ditax. Kalau orang itu ambil wang, itu boleh ditax. Oleh sebab saya tidak mengerti, saya hendak bertanya balik. Ini adalah satu perkara yang terpaksa Yang Berhormat Menteri menerangkan, oleh kerana kalau tidak begitu, banyak bumiputra jual akan kena tax; ambil saham, kena tax. Jadi bagaimana mereka hendak hidup dan hendak masuk dalam dunia perdagangan dan perusahan? Perkara yang lain saya faham. Yang Berhormat Menteri ini memang kawan saya lama, saya tahu Bahasa Kebangsaannya pun bagus, bahasa Inggerisnya bagus, faham benarlah saya. Ini diharaplah dapat diterangkan dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja pandangan saya mengenai Rang Undang-undang ini dan saya dengan amat sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

7.10 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya nampak kesan daripada Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat rakan sejawat

saya Senator Kamarul Ariffin berhubung dengan pemindahan harta kepada syarikat-syarikat, iaitu kelulusan pemindahan daripada syarikat orang yang tidak bermastautin di dalam negeri ini. Ini satu perkara yang sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar memberitahu Kerajaan bahawa masalah tanah ini satu masalah yang sangat penting bagi tiap-tiap sebuah negara. Kita jangan gopoh kerana hendak mengutip cukai daripada hasil keuntungan harta tanah ini sahaja. Kita ada mempunyai perlembagaan yang tertentu dan juga berhubung dengan tanah Kerajaan Negeri mengambil peranan dalam hubungan ini. Saya rasa perlu saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai pemberian hakmilik tanah kepada orang yang tidak bermastautin samada dia memiliki tanah kita itu secara perladangan, syarikat-syarikat perumahan atau lain-lainnya. Kerana kita dapati sekarang bahawa syarikat-syarikat asing yang tidak bermastautin di sini memiliki tanah kita di Malaysia lebih luas daripada negeri Perlis.

Jadi dengan berkuatkuasanya Akta ini mana syarikat-syarikat ini hendak memindah milik pada masa yang akan datang, tentulah ia akan membahagikan saham-sahamnya itu kepada warganegara Malaysia.

Apa yang saya harapkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau syarikat-syarikat asing ini juga degil tidak mahu membahagikan saham-sahamnya kepada warganegara kita, Kerajaan patut membuat satu peraturan bahawa saham-saham syarikat-syarikat asing yang ada di dalam negeri ini hendaklah 50% sahamnya diberikan kepada warganegara Malaysia. Dengan keadaan ini, barulah ada kesan terhadap Rang Undang-undang pindaan yang kita bawa ini.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tentang masalah pengecualian cukai tanah di dalam sebuah rumah yang didiami oleh seseorang itu dikecualikan daripada cukai. Saya gemar hendak memberikan satu pandangan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa ini sudah menjadi satu tradisi orang-orang di Malaysia khasnya orang Melayu dalam sesebuah kawasan tanah itu bukan sahaja didirikan sebuah rumah untuk kepunyaan tuan tanah itu, kadangkala kita lihat sebuah kawasan tanah itu didirikan rumah tidak kurang daripada sembilan atau sepuluh buah rumah yang ada kaitan dengan

keluarga tuan punya tanah itu. Jadi sembilan buah rumah yang didirikan atas tanah itu dan tanah ini kalau disebutkan tanah perumahan, saya mengharapkan kepada Kerajaan supaya mengecualikan juga daripada cukai harta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pindah milik seperti hadiah tanah kepada anak cucu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya harap perkara ini dapat diluaskan tuan tanah itu memindah milik kepada siapa yang dia fikir dan ingin memberi hadiah seperti anak angkatnya atau siapa yang difikirkan patut. Kepada mereka ini juga kita patut berikan kemudahan bagaimana yang kita pindah milik kepada anak-anak cucu kita. Dengan keadaan ini, Kerajaan tidak rugi dalam masalah cukai ini tetapi Kerajaan telah memberi satu kebijakan kepada keadaan masyarakat kita orang-orang di Malaysia. Ini bukan sahaja tertentu kepada orang Melayu kita tetapi orang-orang Tionghua juga kalau dia tiada anak, dia hendak beri tanah kepada anak angkatnya, dia murah hati. Dengan keadaan ini dapat kita timbangkan. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengecualian kepada \$50,000 itu, saya fikir ini satu pemberian hadiah Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil kita dalam penaksiran ini. Jadi \$50,000 ini saya ingat rendah sangat, sebab keadaan harga atau pasaran tanah sekarang adalah mahal, apa salahnya Kerajaan menaikkan kepada \$100,000 untuk dikecualikan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

7.15 *mlm.*

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberikan sumbangan kepada perbahasan atas Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pindaan).

Yang Berhormat Senator Michael Wong Kuan Lee telah menyentuh perkara tahun asas dan saya ingin menjelaskan sedikit sebanyak berkenaan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, kesan menggunakan konsep tahun asas ini iaitu menggantikan nilai pasar pada 1-1-1970 dengan balasan pembelian yang sebenarnya berhubung dengan sesuatu asset yang diperolehi sebelum

1-1-1970 itu adalah untuk memastikan bahawa dengan pelupusan atau dengan disposal asset demikian sebarang naik nilainya dari tarikh perolehan sehingga 31-12-1969 tidak akan dikenakan cukai sebagai suatu keuntungan yang dikenakan cukai. Sebaliknya begitu juga sebarang susutan atau pengurangan nilainya daripada tarikh perolehan sehingga 31-12-1969 tidak juga akan diambil kira. Jadi konsep tahun asas dengan itu mestilah digunakan untuk semua perolehan yang dibuat sebelum 1-1-1970 meskipun nilai pasar pada 1-1-1970 mungkin lebih tinggi ataupun lebih rendah daripada kos sebenarnya.

Tarikh 1-1-1970 telah diambil oleh kerana ianya dianggap sebagai satu titik masa yang sesuai dalam menentukan nilai harta benda bagi maksud cukai keuntungan harta tanah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Michael Wong Kuan Lee itu akan diambil perhatian juga dan akan dikaji selanjutnya.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah terlebih dahulu menyampaikan sedikit sebanyak kritik berkenaan dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini. Memangnya kritik itu adalah sangat membina dan saya suka bagi pihak-pihak yang berkenaan itu menyampaikan berbilang-banyak terima kasih kepada beliau. Dan saya suka menjamin di sini bahawa teguran-teguran itu akan diambil perhatian supaya kelemahan-kelemahan yang telah disentuh itu dapat dibaiki pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Fasal 3, Jadual 2 memang nampaknya sukar dan saya sendiripun merasa sukar juga apabila membaca Rang Undang-undang ini akan perkataan-perkataan atau rangkaian-rangkaian yang telah digunakan dalam sesuatu undang-undang percukaian. Percukaian adalah satu tajuk yang kompleks dan teknikal dan kerana itulah kadangkala mendatangkan sedikit sebanyak kekeliruan walaupun yang membaca itu adalah peguacara ataupun peguambela. Dan berkenaan dengan perkara itu saya suka memberi penjelasan iaitu sebenarnya apabila satu balasan yang bercorak wang tunai sahaja Clause 3 (3) itu tidak akan berkait ataupun dengan izin, dalam bahasa Inggeris, where the consideration consists of cash only, sub-clause (3) would not apply.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya harta tanah itu dipindahmilik dengan balasan wang tunai sahaja, pindahmilik itu adalah dianggap sesuatu penjualan terus. Jadi, Kerajaan dalam keadaan ini tidak rasa penjualan itu patut dikecualikan daripada pembayaran cukai. Kekhuatiran yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator telahpun dikaji dengan seberapa telitinya dan apabila pindaan ini diderafkan, maka inilah keadaan yang sebenarnya. Seperti yang saya telah cakap tadi ini adalah satu perkara yang kompleks sedikit dan teknikal dan setakat itulah sahaja saya boleh memberi penjelasan dan saya harap penjelasan itu adalah memuaskan. Akan tetapi, sekiranya tidak cukup jelas, saya sukalah menjemput sahabat saya itu berjumpa dengan saya selepas perbincangan ini supaya kita dapat bincang bersama-sama untuk menerangkan lagi perkara ini untuk faedah bersama-sama juga.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan berkenaan perkara harta pesaka tanah tadi. Kalau ditaksir dengan cara wang maka harta pesaka tanah itu terpaksa kena cukai, bagaimana kedudukan kalau harta pesaka tanah yang mempunyai lima orang adik-beradik, tentulah mengikut ugama Islam ditaksir harga tanah itu dan dijual dengan cara harga wang tunai diberi. Adakah ini dianggap supaya dikenakan cukai?

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dengan permintaan penjelasan itu perkara yang memang sudah kompleks itu akan menjadi lebih kompleks lagi. Saya sendiripun tidak begitu jelas atas keadaan yang complicated itu dan saya suka menjamin juga apabila habis perbincangan ini kita dapat bincang bersama-sama (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik telah memberi pandangan yang sangat dihargai. Memanglah pihak Kementerian Kewangan bersetuju sangat dengan beliau apabila beliau

itu mengatakan undang-undang itu yang hendak dipinda ini telah digubalkan supaya mencegah spekulasi pada masa yang lampau dan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu memanglah telah dikendurkan kerana undang-undang yang telah digubalkan awal-awal itu telah dianggap ketat kerana edaran zaman. Ini dianggap terlalu ketat supaya pergerakan jual beli tanah harta kita dapat digalakkan lagi dan dapat kita elakkan daripada jual beli itu menjadikan beku. Yang Berhormat Senator itu telah pun menimbulkan berbagai-bagai kekhawatiran dan saya suka memberi jaminan kepada beliau, semua kekhawatiran-kekhawatiran itu akan diambil perhatian dan akan dikaji oleh pihak Kementerian Kewangan. Bagi pihak Kementerian Kewangan itu saya suka menyampaikan berbilang-bilang terima kasih kepada beliau atas cadangan-cadangan yang telah diberi itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menimbulkan beberapa perkara, yang pertama itu adalah satu keadaan yang agak hypothetical sedikit yang mengatakan sekiranya syarikat-syarikat asing itu degil apakah Kerajaan kita hendak buat apabila kita menemui keadaan yang disebutkan itu. Saya suka menyatakan Kerajaan kita memang berhasrat semua langkah-langkah patut diambil supaya kita dapat mencapai matlamat-matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru dan sekiranya keadaan yang tidak diinginkan itu timbul saya percaya Kerajaan kita akan mengambil sesuatu langkah yang sesuai untuk menemuinya.

Perkara yang kedua,

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh menyambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok Rabu, 18h Januari, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.